



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026

(APRIL)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITAHARIAN
02.04.2026 (KHAMIS)

Kes pelaburan ARM RM1.12 bilion

James Chai diberi 2 minggu hadir beri keterangan

**SPRM sedia
tanggung kos
penerbangan
pulang bagi
bantu siasatan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi tempoh dua minggu kepada penganalisis politik, James Chai, untuk hadir memberikan keterangan berhubung siasatan kes pelaburan ARM bernilai RM1.12 bilion.

SPRM menerusi kenyataan, semalam, memaklumkan, pihaknya juga bersedia menanggung kos penerbangan James Chai pulang ke Malaysia bagi membantu siasatan berkenaan.

Menurut SPRM, Chai Jin Shern atau James Chai dikenal pasti sebagai individu penting dalam siasatan dan notis mengesan individu terhadapnya sudah dikeluarkan pada 4 Mac lalu.

"SPRM menerima surat dari-

pada peguam yang mewakilinya bertarikh 9 Mac memaklumkan beliau tidak dapat hadir untuk dirakam percakapan atas alasan kos penerbangan dan kekangan kerja.

"Susulan itu, SPRM mengeluarkan surat balas pada 13 Mac dengan memberi lanjutan masa sehingga 31 Mac 2026, namun beliau masih gagal menyatakan kesediaan untuk hadir," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, SPRM menetapkan tempoh baharu selama dua minggu untuk beliau hadir, selain menawarkan pembiayaan kos penerbangan bagi memastikan kehadirannya.

Kerjasama INTERPOL

SPRM turut memaklumkan, sekiranya James Chai terus gagal hadir selepas dua kali lanjutan diberikan, pihaknya akan mempertimbangkan untuk mendapatkan kerjasama saluran antarabangsa, termasuk INTERPOL serta agensi penguatkuasaan luar negara bagi mengesan keberadaananya.

"Semua individu yang dipanggil untuk membantu siasatan wajib memberi kerjasama kepada pihak berkuasa.

"Jika beliau berpendirian tidak melakukan sebarang kesalahan, tindakan sewajarnya adalah tampil memberi keterangan kepada SPRM, bukan sekadar membuat penjelasan di ruang awam tanpa hadir kepada pihak berkuasa," katanya.

SPRM menegaskan tiada sesiapa berada di atas undang-undang dan siasatan akan diteruskan secara profesional, bebas serta berasaskan bukti.

Mengenai perkembangan siasatan kes ARM, SPRM memaklumkan setakat ini, 17 saksi sudah dirakam percakapan, termasuk pegawai Kementerian Ekonomi dan agensi berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Selain itu, dokumen penting termasuk perjanjian dan bahan sokongan sudah diperolehi, manakala lapan lagi saksi dijangka dipanggil untuk dirakam percakapan, termasuk individu yang berada di luar negara.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

SPRM reman kakitangan syarikat perunding kes tuntutan RM4 juta

Kuala Lumpur: Seorang kakitangan syarikat perundingan pengurusan perniagaan di ibu negara direman selepas disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan tuntutan perjalanan kira-kira RM4 juta.

Perintah reman empat hari sehingga Sabtu terhadap lelaki berusia lingkungan 30-an itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah, selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Sumber berkata, suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada jam 8 malam kelmarin.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan berkenaan pada 2023 se-

hingga 2025.

"Suspek dipercayai mengemukakan dokumen yang mengandungi butir matan palsu membabitkan tuntutan seperti perjalanan dan pengangkutan, yuran perakaunan, pembelian jana kuasa dan diesel, pembayaran kad kredit, tuntutan kerajaan, perbelanjaan ke atas hartanah, loji dan peralatan (PPE), tuntutan tunai runcit, tuntutan belanja yang tidak dikenal pasti serta tuntutan pembayaran kerja landskap dan pembayaran gaji," katanya.

Timbalan Pengarah Kanan (Kawalan dan Penyelarasan Operasi) Bahagian Siasatan, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



HARIANMETRO
04.04.2026 (SABTU)

KETUA PENGARAH JAS DIHADAP KE MAHKAMAH

Oleh Ahmad
Johari Mohd Ali
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

SANGKAL TUDUHAN TERIMA SUAPAN **RM100K**

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menerima suapan RM100,000 bagi mempertimbangkan rayuan pengecualian berhubung penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), tahun lalu.

Penyediaan laporan itu adalah bagi permohonan kebenaran merancang untuk cadangan membina jalan berkembar Bukit Kulus dan kerja tanah untuk mitigasi di atas tanah kerajaan, Jalan Bukit Kulus, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Paya Terubong, Pulau Pinang.

Wan Abdul Latiff, 59, yang memakai kot hitam bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu sebaik dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Faham, tidak (bersalah)," katanya.

Dia didakwa menerima suapan itu daripada Pengarah Syarikat Sunrich Conquest Sdn Bhd melalui pengurus projek di syarikat yang sama.

Suapan itu adalah sebagai upah bagi dirinya sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Ketua Pengarah Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar, untuk mempertimbangkan rayuan bagi pengecualian penedi-



WAN Abdul Latiff (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM100,000.

aan Laporan EIA terbabit. Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Wisma Sumber Asli, Persiaran Perdana Presint 4, Putrajaya pada 15 Januari 2025. Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Ia memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi

jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib mencadangkan jumlah jaminan RM100,000 dikenakan terhadap tertuduh, dengan mengambil kira faktor kedudukannya, nilai yang terlibat dalam kes itu dan hukuman yang boleh dikenakan

kan jika sabit kesalahan.

Katanya, tertuduh juga ada risiko untuk melarikan diri.

Bagaimanapun, peguam bela Mohd Firdaus Ahmad memohon jumlah jaminan ditetapkan pada kadar sekitar RM20,000 dan RM30,000 sahaja kerana jaminan yang dicadangkan

pendakwaan terlalu tinggi.

Beliau berkata, tertuduh mempunyai tiga anak yang masih belajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan menanggung sepenuhnya mereka dan isteri yang tidak bekerja.

Tujuan jaminan adalah untuk menjamin kehadiran di mahkamah pada tarikh tertentu untuk menjawab pertuduhan.

"Isu bahawa tertuduh ada risiko melarikan diri adalah tidak timbul kerana anak guam memberikan kerjasama yang cukup baik kepada pihak berkuasa.

"Anak guam saya direman pada 29 Januari lalu dan dibenarkan reman selama tujuh hari, dia dilepaskan lebih awal pada 3 Februari dan kembali memberi kenyataan kepada SPRM pada 2 Mac.

"Ini menunjukkan komitmen yang diberi anak guam saya dan dia tiada risiko untuk melarikan diri," katanya.

Suzana kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin dengan syarat pasportnya diserahkan kepada mahkamah sehingga selesai bicara.

Mahkamah kemudian menetapkan pengurusan kes pada 7 Mei ini.



HARIANMETRO
04.04.2026 (SABTU)



NORHAZNI (kiri) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dikenakan pertuduhan terima wang suapan RM21,000.

Tak mengaku 6 dakwaan makan rasuah RM21,000

Kuala Lumpur: Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas enam tuduhan menerima wang tunai berjumlah RM21,000 daripada sebuah syarikat pengurusan sisa berjadual, empat tahun lalu.

Dr Norhazni Mat Sari, 59, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan sebaik ia dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut tuduhan berkenaan, Norhazni sebagai seorang penjawat awam iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, menerima wang terbabit secara tanpa balasan

daripada E-Concern (Borneo) Sdn Bhd.

Sedangkan tertuduh mengetahui pengarah syarikat itu mempunyai perhubungan dengan kerajaan rasminya.

Wang itu diterima secara pindahan dalam talian ke akaun bank anak tertuduh di sebuah bank Cawangan Bukit Bintang, di sini antara 18 April 2022 dan 19 Julai 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib memberitahu mahkamah, ke-

dua-dua pihak bersetuju jumlah jaminan ditetapkan pada RM25,000 dan passport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun peguam bela Haresh Mahadevan memohon supaya dokumen itu diserahkan selepas anaknya pulang daripada menghadiri mesyuarat di Geneva, Switzerland daripada 16 hingga 26 Jun ini.

Azura kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM25,000, bagaimanapun menolak permohonan peguam bela supaya passport hanya diberikan selepas dia pulang dari mesyuarat di luar negeri.

Mahkamah turut menetapkan pengurusan kes itu pada 19 Mei ini.



SINAR HARIAN
04.04.2026 (SABTU)

Timbalan Ketua Pengarah JAS didakwa enam pertuduhan

KUALA LUMPUR - Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas enam pertuduhan menerima RM21,000 daripada seorang pengarah syarikat pengurusan sisa berjadual empat tahun lalu.

Dr Norhazni Mat Sari, 59, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Azura Alwi.

Mengikut semua pertuduhan, wanita itu sebagai seorang penjawat awam iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS telah menerima wang itu secara tanpa balasan daripada seorang pengarah syarikat itu.

Sedangkan tertuduh mengetahui bahawa pengarah syarikat itu mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Wang itu diterima menerusi enam pindahan dalam talian ke akaun bank anak tertuduh di sebuah bank cawangan Bukit Bintang di sini antara 18 April 2022 dan 19 Julai 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman, penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib memberitahu mahkamah, kedua-dua pihak bersetuju jumlah jaminan ditetapkan sebanyak RM25,000 dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Sementara itu, peguam, Hareesh Mahadevan yang mewakili tertuduh merayu dokumen perjalanan antarabangsa berkenaan diserahkan kepada mahkamah pada tarikh lain.

"Anak guam saya perlu menghadiri mesyuarat di Geneva, Switzerland bermula 16 hingga 26 Jun ini," katanya, yang hadir bersama seorang lagi peguam, Lavanesh Hareesh.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Azura membenarkan tertuduh diikat jamin pada jumlah berkenaan.

Bagaimanapun, beliau menolak permohonan peguam dan memberitahu sebarang permohonan untuk mendapatkan kembali pasport boleh dibuat sebelum tertuduh ke luar negara.

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 19 Mei depan.



SINARHARIAN
04.04.2026 (SABTU)

KP JAS didakwa rasuah RM100,000

Kes penyediaan EIA bagi cadangan bina jalan berkembar Bukit Kukus, Pulau Pinang

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Ketua Pengarah (KP) Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas satu pertuduhan menerima rasuah RM100,000 berhubung penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan membina jalan berkembar Bukit Kukus, Pulau Pinang tahun lalu.

Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, 59, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

"Faham, tidak (bersalah)," katanya yang hadir ke mahkamah dengan memakai kot berwarna hitam.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima suapan wang itu daripada seorang pengarah syarikat melalui seorang pengurus projek di syarikat sama.

Ia sebagai upah untuk memper-timbangkan rayuan pengecualian penyediaan Laporan EIA bagi Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina Jalan Berkembar Bukit Kukus dan Kerja Tanah Untuk Mitigasi Di Atas Tanah Kerajaan, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Paya Terubong, Pulau Pinang yang dimohon oleh sebuah lagi syarikat lain melalui surat bertarikh 22 November 2024.

Kesalahan didakwa dilakukan di Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Alam



Wan Abdul Latiff (dua dari kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Jumaat atas satu pertuduhan menerima suapan.

Sekitar, Wisma Sumber Asli, Persiaran Perdana Presint 4, Putrajaya pada 15 Januari 2025.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin.

"Pendakwaan juga mohon syarat

tambahan iaitu pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai," katanya yang hadir bersama Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Fadhiy Mohd Zamry.

Bagaimanapun, peguam, Mohd Firdaus Ahmad yang mewakili bapa kepada tiga anak itu merayu kadar jaminan dikurangkan.

"Dua daripadanya masih belajar di universiti awam, maka saya bimbang anak guam tidak mampu untuk membayar jaminan tersebut," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Suzana membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 7 Mei depan.



SINARHARIAN

04.04.2026 (SABTU)

SPRM tahan pengurus besar syarikat kemuka dokumen palsu RM4 juta

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lagi individu kerana disyaki terlibat mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan tuntutan perjalanan berjumlah kira-kira RM4 juta.

Wanita berusia lingkungan 40-an itu telah direman empat hari sehingga 6 April selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Jumaat.

Menurut sumber, suspek ditahan jam 5 petang Khamis ketika hadir beri keterangan di SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek yang merupakan pengurus besar sebuah syarikat peranginan disyaki bersubahat dengan seorang suspek lelaki iaitu penyedia perkhidmatan akaun sebuah syarikat perkhidmatan perundingan pengurusan perniagaan yang sebelum ini telah direman Rabu lalu.

"Penahanan reman ke atas suspek berkaitan kes sama iaitu mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan tuntutan seperti perjalanan dan pengangkutan; yuran perakaunan, pembelian genset dan diesel, pembayaran kad kredit, tuntutan keraian, perbelanjaan ke atas hartanah, loji dan peralatan (PPE), tuntutan tunai runcit (*petty cash*), tuntutan belanja yang tidak dikenal pasti, tuntutan pembayaran kerja-kerja landskap serta pembayaran gaji," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kanan (Kawalan dan Penyelarasan Operasi) Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.



SINARHARIAN
04.04.2026 (SABTU)

Dua ditahan kes minta, terima rasuah RM1 juta

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM1 juta daripada pengarah syarikat pembekal pasir sebagai balasan tidak melaporkan perbuatan rasuah syarikat tersebut.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki termasuk seorang pengarah urusan sebuah syarikat pembekal pasir berusia lingkungan 50-an itu ditahan berasingan antara jam 2 petang dan 8 malam Khamis di sebuah restoran sekitar Pulau Pinang dan di pejabat SPRM Pulau Pinang.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua mereka disyaki melakukan perbuatan tersebut pada Mac lalu.

"Semalam (Khamis) suspek utama telah ditahan melalui satu operasi khas yang dijalankan Bahagian Perisikan SPRM di sebuah restoran di mana tiga keping cek bernilai kira-kira RM1 juta diserahkan kepadanya," katanya.

Kata sumber, suspek utama turut disyaki mengugut untuk membuat laporan kepada SPRM sekiranya tidak dibayar.

Tambah sumber, SPRM turut menyita beberapa barangan lain iaitu empat unit telefon bimbit.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

"Setakat ini seorang saksi telah diambil keterangan kes disiasat di bawah Akta SPRM 2009," ujarnya.



SINARHARIAN
07.04.2026 (SELASA)

TKP JAS didakwa terima RM9,110 baiki rumah

SHAH ALAM - Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Jabatan Alam Sekitar (JAS) didakwa lagi atas satu pertuduhan menerima RM9,110 daripada seorang pengarah syarikat pengurusan sisa berjadual bagi kerja baik pulih rumah, empat tahun lalu.

Tertuduh, Dr Norhazni Mat Sari, 59, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu sebagai seorang penjawat awam iaitu TKP (Pembangunan) jabatan didakwa menerima wang berkenaan menerusi pindahan dalam talian.

Wang tersebut dimasukkan ke akaun

bank milik sebuah syarikat konstruksi bagi bayaran membaik pulih rumahnya di Putra Heights, Subang Jaya.

Ia diterima daripada seorang pengarah syarikat pengurusan sisa berjadual yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi tertuduh di sebuah bank di Taman Sentosa, Klang pada 25 Mei 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin manakala tertuduh diwakili peguam M Hareh.

Mahkamah kemudian menetapkan 19 Mei sebagai tarikh sebutan semula kes.



Norhazni (kanan) didakwa menerima RM9,110 daripada seorang pengarah syarikat pengurusan sisa berjadual bagi kerja baik pulih rumah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Isnin.



SINARHARIAN
08.04.2026 (RABU)

Empat anggota polis disyaki minta, terima rasuah RM12,000 direman

KOTA BHARU - Empat anggota polis direman lima hari selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM12,000.

Wang itu dipercayai sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang individu selepas didapati membawa daun ketum di dalam kenderaannya.

Perintah reman sehingga 11 April dikeluarkan Hakim Rais Imran Hamid selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kota Bharu di sini pada pagi Selasa.

Menurut sumber, keempat-empat anggota lelaki berusia lingkungan 20 hingga 40-an ditahan antara jam 9 pagi hingga 1 petang pada Isnin.

"Siasatan awal mendapati, semua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan ini pada Disember 2025.

"Mereka dipercayai menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan ke akaun bank peribadi milik pihak ketiga," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusoff ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.



Empat anggota polis dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Bharu untuk direman.



HARIANMETRO
08.04.2026 (RABU)

Oleh Sharifah
Mahsinah Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Beberapa anggota polis di Kelantan kini berada dalam radar pihak berkuasa kerana disyaki terbabit dalam rasuah dan kesalahan jenayah lain.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, beliau percaya masih ada segelintir anggota terbabit dalam gejala tidak sihat itu walaupun peringatan dan nasihat sering diberikan agar tidak terjerumus dalam salah laku.

"Saya sentiasa menasihati dan mengingatkan mereka supaya tidak sekali-kali terbabit rasuah, jenayah atau apa-apa kesalahan lain. Namun, masih ada yang berdegil," katanya di sini, semalam.

Mengenai empat anggota polis di negeri ini yang ditahan Suruhanjaya Pence-

Ada polis 'dalam radar'

Disyaki terbabit rasuah serta jenayah lain



Saya sentiasa menasihati dan mengingatkan mereka supaya tidak sekali-kali terbabit rasuah, jenayah atau apa-apa kesalahan lain"

Mohd Yusoff

garan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, Mohd Yusoff berkata, kes itu yang pertama membabitkan anggota polis kontinjen Kelantan pada tahun ini.

"Polis telah membuka

siasatan dalaman berkait kes ini, berjalan seiring dengan siasatan SPRM.

"Di pihak kami, siasatan dalaman dimulakan sejujur mereka ditahan," katanya.

Bagaimanapun katanya, buat masa ini belum ada tindakan lain dikenakan terhadap empat anggota itu termasuk gantung tugas.

"Saya ingin tegaskan bahawa masih terdapat beberapa lagi anggota yang kami percaya terbabit dalam gejala tidak sihat ini dan mereka kini berada dalam pemantauan saya," katanya.

Media melaporkan empat anggota polis Kelantan direman lima hari sehingga 11 April oleh Mahkamah Majistret Kota Bharu bagi membantu siasatan kes rasuah RM12,000, tahun lalu.



HARIANMETRO
08.04.2026 (RABU)



EMPAT anggota polis direman lima hari di Mahkamah Majistret Kota Bharu. - Gambar NSTP/SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH.

Kota Bharu: Empat anggota polis direman lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes rasuah babit RM12,000, tahun lalu.

Perintah reman hingga 11 April itu dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Ka-

DISYAKI TERIMA RASUAH RM12,000

Empat polis direman 5 hari

nun Tatacara Jenayah.

Semua suspek berusia 22 hingga 42 tahun itu terdiri daripada dua lams kopersal, seorang kopersal dan seorang sarjan.

Mereka ditahan oleh SPRM di pejabat ma-

sing-masing petang kelmarin.

Difahamkan, keempat-empat anggota yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Tanah Merah itu dipercayai menerima wang berkenaan sebagai balasan

untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang lelaki yang ditemukan memiliki barangan terlarang dalam kenderaannya.

Lelaki tempatan itu ditahan pada hujung tahun lalu.



SINAR HARIAN
09.04.2026 (KHAMIS)

Dua pensyarah direman kes rasuah RM5 juta

Turut direman pegawai syarikat minyak dan pengarah syarikat kejuruteraan

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH - Dua pensyarah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) antara empat individu direman bagi membantu siasatan rasuah melibatkan projek penyelidikan bernilai RM5 juta.

Perintah reman selama empat hari bermula Rabu ini dikeluarkan Majistret 5 Punitha di Mahkamah Majistret Ipoh selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Permohonan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan ke atas semua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40-an mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

INFO

- 70 akaun bank yang mempunyai baki bernilai kira-kira RM8.5 juta dibekukan.
- Tujuh kenderaan turut disita bagi membantu siasatan.



Semua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Ipoh untuk permohonan reman bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

Tangkapan ke atas suspek dilakukan di pejabat SPRM Perak antara jam 2 hingga 5 petang Selasa dan turut membabitkan seorang pegawai syarikat minyak dan seorang pengarah syarikat kejuruteraan.

Selain tangkapan tersebut, SPRM turut membekukan sebanyak 70 akaun bank yang mempunyai baki bernilai kira-kira RM8.5 juta dan menyita tujuh kenderaan bagi membantu siasatan.

Sumber memaklumkan, rasuah itu di-

percayai sebagai balasan bagi membantu beberapa syarikat mendapatkan projek penyelidikan dan membabitkan penyalahgunaan dana penyelidikan IPTS berkenaan.

Siasatan awal mendapati kegiatan ini dilakukan antara tahun 2019 hingga 2025 dengan pegawai dan pengarah syarikat tersebut bertindak sebagai proksi kepada kedua-dua pensyarah itu untuk menerima wang berkenaan.

10 BERITA SINAR HARIAN
PALING TRENDING
SETAKAT JAM 5 PETANG RABU

1 IRAN ISYTIHAR MENANG BESAR

2 BAPA HUMAN ANAK KEMBAR PEREMPUAN 4 TAHUN DALAM PERIGI

3 SELANGOR FC DAPAT DURIAN PUNTUH TRIO IMPORT KE PIALA DUNIA

4 KONFLIK ASIA BARAT: IRAN KEMUKA CADANGAN AKHIRI PERANG, TOLAK GENCATAN SENJATA SEMENTARA - IRNA

5 KONFLIK ASIA BARAT: TRUMP SETUJU GANTUNG SERANGAN KE ATAS IRAN SELAMA DUA MINGGU

6 IRAN SEDIA HADAPI SEBARANG KEMUNGKINAN

7 AKUR GENCATAN SENJATA JIKA SERANGAN KE ATAS IRAN DIHENTIKAN - ARAGHCHI

8 SEJUTA TONG MINYAK MENTAH MASIH KECIL JUMLAHNYA UNTUK SEBULAN

9 DUA BERADIK MAUT TERPERANGKAP DALAM PETI SEJUK

10 PENYOKONG LIVERPOOL HILANG SABAR, RANCANG TUNJUK PERASAAN DI ANFIELD



HARIANMETRO
09.04.2026 (KHAMIS)

SPRM tunggu bukti dari UK

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang berusaha mendapatkan bukti dari United Kingdom (UK) sebagai sebahagian daripada siasatan terhadap firma guaman antarabangsa, White & Case yang didakwa ada kaitan dengan skandal iMDB Malaysia Development Bhd (iMDB).

Siasatan menumpukan kepada dakwaan firma itu terlibat dalam penyediaan dokumen yang mengandungi maklumat palsu atau menggelirukan serta arahan pembayaran yang didakwa memudahkan pemindahan dana berkaitan iMDB kepada pihak yang tidak diberi kuasa.

Ketua Suruhanjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memaklumkan penyiasat mengenal pasti elemen kesalahan di bawah undang-undang Malaysia, termasuk peruntukan di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Selepas menyelesaikan fasa siasatan domestik, Azam berkata, kes itu kini bergantung kepada usaha mendapatkan bukti dokumen dan keterangan saksi penting dari luar negara sebelum sebarang keputusan penguatkuasaan mukamat dapat dibuat.

Firma itu dikaitkan dengan dakwaan penyelewengan dana iMDB sebanyak AS\$1 bilion, termasuk pengalihan kira-kira AS\$700 juta kepada entiti luar pe-

sisir yang berada di luar kawalan iMDB.

"Siasatan menemukan elemen salah laku, namun bukti lanjut dari luar negara diperlukan untuk mengukuhkan kes," katanya.

SPRM sedang mendapatkan bukti melalui saluran rasmi, termasuk Jabatan Peguam Negara (AGC) dan permohonan Bantuan Perundangan Bersama.

Fasa seterusnya dijangka memberi tumpuan kepada kerjasama dengan pihak berkuasa UK yang menempatkan pejabat White & Case dan jejak kewangan berkaitan.

Penyiasat juga sedang meneliti pembayaran yang dibuat kepada firma guaman itu, yang dipercayai berkait secara langsung dengan dakwaan penyelewengan aset iMDB dan peranannya dalam memudahcara pengaturcaraan usaha sama.

Siasatan itu selari dengan laporan sebelum ini bahawa pihak berkuasa Malaysia sedang meneliti sama ada firma berkenaan memainkan peranan dalam transaksi berkaitan usahasama kontroversi antara iMDB dan Petro-Saudi.

Portal berita berpangkalan di UK, The Observer, melaporkan mengenai pemindahan AS\$700 juta yang dikaitkan dengan usaha sama itu, yang didakwa disalurkan kepada entiti di luar kawalan iMDB, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai usaha wajar dan peranan penasihat profesional.

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat individu masing-masing dua pensyarah, seorang pegawai syarikat berkaitan minyak serta seorang pengarah syarikat kejuruteraan bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM5 juta.

Wang itu diterima daripada beberapa syarikat sebagai balasan membantu mendapatkan projek penyelidikan serta penyelewengan dana penyelidikan di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di utara tanah air.

Menurut sumber, kesemua suspek yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40-an itu ditahan antara jam 2 hingga 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak.

RASUAH DANA IPTS BABIT RM5 JUTA

Empat direman!

"Kesemua suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan itu dan kedua-dua pensyarah itu menerima wang rasuah secara tunai dan transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi milik masing-masing"

Sumber

Kata sumber, selain tangkapan itu, SPRM turut membekukan sebanyak 70 akaun bank bernilai ki-

ra-kira RM8.5 juta selain menyita tujuh buah kenderaan bagi membantu siasatan.

"Siasatan awal mendapati kegiatan itu dipercayai berlaku dalam tempoh antara tahun 2019 hingga 2025 yang mana pegawai dan pengarah syarikat dijadikan proksi kepada kedua-dua pensyarah IPTS terbabit menerima rasuah.

"Kesemua suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan itu dan kedua-dua pensyarah itu menerima wang rasuah secara tunai dan transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi milik masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan

SPRM, Datuk Saiful Ezral Arifin, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009.

Dalam pada itu, empat individu terbabit direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan.

Perintah reman hingga 11 April terhadap kesemua individu itu dikeluarkan Majistret S Punitha di Mahkamah Majistret Ipoh selepas membenarkan permohonan SPRM.

Terdahulu, tiga lelaki dan seorang wanita itu tiba di mahkamah pada 10.05 pagi dengan berpakaian lokap SPRM, sebelum dibawa keluar daripada mahkamah dengan kenderaan SPRM sekitar 11.45 pagi.



EMPAT individu ditahan antara jam 2 hingga 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak.



SINARHARIAN

10.04.2026 (JUMAAT)

Penjawat awam direman disyaki terima rasuah urusan pingat kebesaran

KANGAR - Seorang penjawat awam direman lima hari selepas disyaki ter-babit dalam kegiatan rasuah bernilai kira-kira RM200,000 berkaitan pemberian darjah kebesaran di Mahkamah Majistret di sini pada Khamis.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nurul Natasha Rizal selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga 13 April ini.

Lelaki berusia 57 tahun itu di-siasat berkaitan urusan mendapatkan darjah kebesaran iaitu pingat dan bintang, dua tahun lalu.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 2.40 petang pada Rabu selepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perlis.

"Siasatan awal mendapati, suspek dipercayai menerima wang sebagai habuan menguruskan pemberian pingat dan bintang daripada sebuah pertubuhan pada 2024 dengan jumlah dianggarkan sekitar RM200,000," katanya.

Tambah sumber, beberapa saksi turut dipanggil bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan siasatan lanjut masih dijalankan.



BERTAHARIAN

10.04.2026 (JUMAAT)

Penjawat awam direman kes rasuah RM200,000 urus darjah kebesaran

Kangar: Seorang penjawat awam di Perlis direman lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes menerima rasuah kira-kira RM200,000 berkaitan urusan mendapatkan pelbagai darjah kebesaran, pingat dan bintang sebuah pertubuhan beruniform sukarela pada 2024.

BERNAMA memetik sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), melaporkan perintah reman sehingga 13 April terhadap lelaki berusia 57 tahun itu dibenarkan Majistret Nurul Natasha Rizal selepas permohonan dibuat SPRM Perlis, semalam.

Sumber itu memaklumkan, lelaki terbabit ditahan jam 2.40 petang kelmarin, selepas memberikan keterangan di Pejabat SPRM Perlis, di sini.

Lelaki terbabit disyaki menerima wang berkenaan pada 2024 ketika menyandang jawatan ketua pesuruhjaya pertubuhan berkenaan di Perlis. Ia sebagai balasan untuk beberapa individu mendapatkan bintang dan pingat pertubuhan berkenaan.



Suspek dibawa ke Majistret Mahkamah Kangar, semalam. (Foto BERNAMA)

"Jumlah keseluruhan individu memberikan wang kepada lelaki berkenaan untuk dapatkan pingat dan bintang pertubuhan terbabit masih dalam siasatan pihak SPRM," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) dalam kenyataan memaklumkan tidak memberikan kebenaran terhadap istiadat penganugerahan bintang dan pingat Dato Setia Pengakap yang diadakan di negeri ini pada 6 Mac lalu.

Menurut PPM, persatuan itu tidak pernah memberikan mandat kepada PPM Perlis untuk menganugerahkan sebarang bintang dan pingat.

"Tindakan boleh diambil ke atas individu yang memberi dan menerima anugerah terbabit mengikut Seksyen 13 Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan). Jika didapati bersalah, tindakan boleh dikenakan mengikut Seksyen 14 akta sama.

"Sejak penubuhannya, PPM sentiasa memberi pengiktirafan kepada individu dan kumpulan yang berjasa dalam kemajuan serta pembangunan kepengakapan, baik secara langsung mahupun tidak langsung di dalam dan luar negara," menurut persatuan berkenaan.



BERITAHARIAN
11.04.2026 (SABTU)

Urus niaga saham babit kerugian dana awam RM300 juta

SPRM geledah dua lagi syarikat penilaian saham

Penyelewengan dirancang teliti, wujud transaksi wang ke akaun luar negara

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah dua syarikat penilaian nilai saham, semalam, susulan penahanan seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun dan seorang pengerusi syarikat berkait skandal urus niaga saham.

Sumber berkata, siasatan terkini mendapati penyelewengan dirancang secara sistematik, selain disyaki wujud transaksi keluar masuk wang ke akaun di luar negara.

"Siasatan dipercayai membatikan penilaian harga saham tidak munasabah dan tidak sempat, sekali gus berpotensi menyebabkan kerugian kepada dana awam dianggarkan melebihi RM300 juta.

"Kedua-dua suspek dipercayai bersubahat dengan beberapa ahli lembaga pengarah serta pemegang saham sebuah syarikat lain, bagi urusan penjualan saham kepada badan pelaburan itu," katanya, semalam.

Sumber berkata, setakat semalam, 10 saksi sudah dirakam percakapan dan tujuh lagi dijangka dipanggil dalam masa terdekat.

Siasatan fokus Seksyen 16 Akta SPRM 2009

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, berkata tumpuan siasatan menjurus kepada kesalahan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009, selain pecah amanah jenayah.

"Penyiasatan turut mengana-

lisis dan mengenal pasti elemen kesalahan jenayah lain yang berkaitan khususnya, pengubahan wang haram.

"Semua aspek berkaitan urus niaga saham ini diteliti bagi melengkapkan siasatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Rabu lalu, SPRM menahan dua lelaki berusia lingkungan 40 dan 50-an itu ketika memberi ketera-

Penyiasatan turut menganalisis dan mengenal pasti elemen kesalahan jenayah lain yang berkaitan khususnya, pengubahan wang haram

Mohamad Zamri Zainul Abidin,
Pengarah Kanan Bahagian
Operasi Khas SPRM



Bekas CEO, pengerusi syarikat direman 4 hari

Kedua-dua suspek dipercayai bersubahat dalam urus niaga bابت penilaian harga saham munasabah.



Keratan
akhbar BH
semalam.

ngan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Kedua-duanya kemudian direman empat hari bermula sehingga esok untuk siasatan lanjut.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat bersama beberapa ahli lembaga pengarah serta pemegang saham sebuah syarikat dalam urus niaga penjualan saham kepada badan berkanun itu.

Bahagian Operasi Khas SPRM turut menjalankan penggeledahan di 13 lokasi merangkumi agensi dan syarikat berkepentingan awam, premis pejabat serta kediaman individu yang dikenal pasti di sekitar Lembah Klang.

Selain itu, sebanyak 62 akaun bank persendirian dan syarikat dibekukan, membatikan jumlah kira-kira RM450 juta.



SINARHARIAN

11.04.2026 (SABTU)

Skandal urus niaga saham: SPRM kesan kerugian dana awam RM300 juta

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah dua lagi syarikat penilaian saham susulan penahanan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun kerajaan dan seorang pengerusi sebuah syarikat pengangan.

Menurut sumber, siasatan terkini turut mendapat penyelewengan itu dirancang dengan sistematik dan dipercayai berlaku juga transaksi keluar masuk wang ke akaun di luar negara.

"Siasatan yang dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM itu dipercayai membabitkan penilaian harga yang tidak munasabah (*overvaluation*) dan tidak setimpal, yang berpotensi menyebabkan kerugian kepada dana awam dianggarkan melebihi RM300 juta.

"Sehingga kini seramai 10 orang saksi telah dirakam percakapan dan dijangka tujuh orang saksi lagi akan dipanggil dan dirakam percakapan dalam masa



Antara individu yang ditahan reman bagi membantu siasatan.

terdekat.

Sementara itu, Pengarah Kanan BOK, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi memberitahu, fokus siasatan kini menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 selain kesalahan pecah amanah jenayah.

"Penyiasatan turut menganalisis dan mengenal pasti elemen-elemen kesalahan jenayah

lain yang berkaitan khususnya di bawah kesalahan aktiviti pengubahan wang haram," katanya.

Terdahulu, media melaporkan akaun bank bernilai kira-kira RM450 juta dibekukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan penahanan dua individu berkenalan pada Rabu.

Kedua-dua individu itu disyaki

bersubahat bersama beberapa ahli lembaga pengarah serta pemegang saham sebuah syarikat dalam urusan niaga penjualan saham kepada badan berkanun tersebut.

Perintah reman selama empat hari sehingga 12 April terhadap kedua-dua suspek telah dikeluarkan Majistret Azeren Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia lingkungan 40 dan 50-an itu ditahan kira-kira jam 6 petang ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Siasatan awal mendapati, kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut pada tahun 2022 hingga 2023.

Selain itu, sebanyak 62 akaun bank persendirian dan akaun syarikat yang berkaitan telah dibekukan melibatkan jumlah kira-kira RM450 juta.



SINARHARIAN
11.04.2026 (SABTU)

515 ditahan dalam 110 serbuan

**Rampasan Op Hazard 3.0
RM582 juta, 42 premis
dikenal pasti kilang haram
proses e-waste**

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR - Seramai 515 individu diberkas dalam Op Hazard 3.0 yang turut merekodkan rampasan pelbagai sisa elektronik atau e-waste bernilai RM582 juta, hasil serbuan terhadap 110 lokasi di seluruh negara pada Isnin.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail berkata, sebanyak 42 premis dikenal pasti sebagai kilang haram yang menjalankan aktiviti pemprosesan e-waste.

"Seramai 868 individu diperiksa dengan 515 daripadanya ditahan atas pelbagai kesalahan melibatkan warga tempatan dan warga asing berusia 16 hingga 70 tahun," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman di sini pada Jumaat.

Mohd Khalid berkata, sebanyak 6,378 tan e-waste bernilai RM455 juta turut dirampas, selain 377 tan bahan yang telah diproses seperti aluminium, tembaga dan timah bernilai RM7.4 juta.

"Kita juga merampas 1,925 tan bahan lusuh bernilai RM11.6 juta, menjadikan jumlah keseluruhan rampasan mencecah RM582 juta," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan 223 kertas siasatan telah dibuka mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 serta undang-undang berkaitan.

"Sebanyak 74 kompaun bernilai RM110,700 turut dikeluarkan, manakala tujuh akaun bank bernilai RM670,000 dibekukan di bawah undang-undang pencegahan pengubahan wang haram.

"Selain itu, 24 kertas siasatan turut dibuka oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menyiasat ketirisan cukai berkaitan aktiviti berkenaan," katanya.

Mohd Khalid berkata, operasi yang melibatkan 2,147 anggota di 11 negeri itu merupakan usaha berterusan bagi melumpuhkan sindiket e-waste.

"Aktiviti berkenaan memberi risiko besar kepada kesihatan awam, alam sekitar serta keselamatan negara, selain sering dikaitkan dengan jenayah lain seperti rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Sementara itu katanya, polis tidak menolak kemungkinan kegiatan pemprosesan e-waste dijalankan sindiket yang mempunyai jaringan dalam kalangan pemain industri sama.

Mohd Khalid berkata, siasatan masih berjalan termasuk meneliti kemungkinan wujud kaitan antara premis yang diserbu dalam Op Hazard 3.0.

"Siasatan masih dijalankan, kita tidak menolak kemungkinan ada kaitan antara



Mohd Khalid (tengah) ketika sidang akhbar Op Hazard 3.0 di Bukit Aman pada Jumaat.

pemain industri sama yang menjalankan kegiatan ini.

Mohd Khalid berkata, sebahagian premis dikesan pernah diserbu dalam Op Hazard 1.0 dan Op Hazard 2.0.

"Kilang haram itu ada yang pernah diserbu sebelum ini menerusi Op Hazard 1.0 dan Op Hazard 2.0.

"Kebanyakannya dikendalikan warga tempatan, namun terdapat juga premis diuruskan warga asing," katanya.

Beliau berkata, siasatan turut mendapati ada premis mempunyai lesen bagi tujuan lain sebelum membawa masuk sisa e-waste untuk diproses.

"Sindiket ini juga didapati membuat

pengisytiharan palsu semasa kontena dibawa masuk ke negara ini.

"Sisa e-waste itu kemudian diproses semula menjadi bahan seperti timah, emas dan tembaga," katanya.

Menurutnya, produk akhir yang dihasilkan akan dieksport semula ke luar negara.

"Siasatan mendapati sisa e-waste ini dibawa masuk dari pelbagai negara termasuk dari Barat dan Timur," katanya lagi.

Dalam perkembangan lain katanya tiada sebarang bukti atau penglibatan dikesan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kegiatan 'mafia korporat' yang sedang disiasat.



BERITA HARIAN
12.04.2026 (AHAD)

SPRM kesan salah guna kuasa dalam kes jual saham

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes membabitkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun mendapati wujud modus operandi penyalahgunaan kedudukan dalam urusan penjualan saham menggunakan dana awam.

Individu berkenaan dipercayai menetapkan terma dan harga pembelian saham serta bertindak sebagai pencadang dan pelulus dalam rundingan tertutup dengan pemegang saham minoriti, sekali gus mempunyai kawalan penuh (absolute power) dalam keseluruhan proses tersebut.

Siasatan SPRM turut menun-

jukkan elemen penerimaan rasuah dan pengubahan wang haram melalui pemindahan hasil transaksi ke entiti luar pesisir bagi menyembunyikan identiti penerima, termasuk penggunaan akaun penama dan pemilik benefisial.

Siasatan turut mendapati sebahagian dana dipercayai dilaburkan semula dalam syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia dianggarkan kira-kira RM30 juta sebagai penyamaran aliran kewangan pelaburan yang sah.

Sumber berkata, susulan itu, aliran dana dikesan membabitkan enam akaun bank di Singapura dengan enam transaksi berjumlah lebih AS\$48 juta, se-

lain satu transaksi sekitar AS\$3.3 juta di Labuan membabitkan dua pemilik benefisial syarikat yang menerima bayaran daripada dana awam.

Katanya, turut disiasat dua akaun bank di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dipercayai milik bekas CEO berkenaan, membabitkan kira-kira AS\$10,000 dan AED37,000 (kira-kira RM80,000).

"Keseluruhan aliran dana luar negara dianggarkan melebihi AS\$51.3 juta dan dipercayai



Mohamad Zamri

melibatkan syarikat yang ditubuhkan di British Virgin Islands (BVI).

"Dalam perkembangan berkaitan, tambahan enam akaun individu bernilai kira-kira RM11 juta, menjadikan keseluruhan pembekuan kira-kira RM16.8 juta," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK), Datuk Mohamad Zamri Zainul, ketika dihubungi mengesahkan siasatan masih berjalan dan memaklumkan SPRM sedang memperluaskan skop siasatan, termasuk mendapatkan kerjasama pihak ber-

kuasa luar negara seperti Singapura, BVI, UAE serta Labuan bagi meneliti transaksi rentas sempadan dan mengesan aset berkaitan.

Media sebelum ini melaporkan bekas CEO sebuah badan berkanun kerajaan dan seorang pengerusi syarikat pegangan di-reman bagi membantu siasatan SPRM berhubung penjualan saham sehingga menyebabkan kerugian dana awam melebihi RM300 juta.

Mereka disyaki bersubahat bersama beberapa ahli lembaga pengarah serta pemegang saham sebuah syarikat dalam urusan niaga penjualan saham kepada badan berkanun berkenaan.



HARIANMETRO
13.04.2026 (ISNIN)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Rasuah bukan lagi 'pe-nyakit' sektor awam semata-mata apabila semakin ramai pekerja sektor swasta dikesan terbabit menerima suapan demi kepentingan peribadi.

Keadaan itu membuktikan barah rasuah menular merentas sektor dan memerlukan tindakan tegas serta kerjasama semua pihak bagi membendungnya sebelum menjadi budaya kerja.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, seramai 2,202 pegawai dan

MAKIN RAMAI PEKERJA SEKTOR SWASTA DIKESAN TERIMA SUAPAN

'Sanggup rasuah demi kekal gaya hidup mewah'

kakitangan swasta ditahan dalam tempoh 2021 hingga 2025, diikuti penjawat awam seramai 2,164 dan orang awam seramai 845 orang.

Menurutnya, dalam tempoh itu juga tangkapan membabitkan individu di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah seramai 118 orang dan ahli politik pula seramai 30 orang.

"Antara faktor mereka menerima rasuah adalah

kerana individu yang mempunyai kuasa membuat keputusan khususnya dalam perolehan, kelulusan atau penguatkuasaan terdedah kepada godaan rasuah apabila kawalan dan semakan tidak mencukupi.

"Prosedur yang longgar, pengawasan yang lemah serta ketiadaan mekanisme semak dan imbang juga membuka ruang kepada perbuatan rasuah berlaku secara berulang," katanya

secara eksklusif kepada Harian Metro.

Azam berkata, ramai pelaku hidup melebihi kemampuan sebenar dan kerana didorong keinginan mengekalkan gaya hidup mewah, mereka sanggup melakukan jenayah rasuah.

"Selain itu, dalam sese- tengah persekitaran, rasuah dianggap sebagai amalan biasa di mana 'duit kopi' biasanya menjadi jalan mudah untuk menye-

lesaikan sesuatu urusan se- kali gus mengakis sensi- tiviti terhadap salah laku.

"Faktor lain adalah disebabkan tekanan kewangan, beban hutang atau masalah peribadi antara faktor seseorang terbabit rasuah terutama apabila mereka melihat peluang yang mudah untuk melaku- kan rasuah," katanya.

Menurut Azam, berda- sarkan statistik SPRM se- panjang tempoh lima ta-

hun lalu, jumlah kes paling banyak dicatatkan memba- bitkan kesalahan meneri- ma rasuah iaitu sebanyak 1,740, diikuti tuntutan palsu (1,448 kes) dan salah guna kuasa (563 kes).

"Kesalahan lain adalah memberi rasuah sebanyak 378 kes, pengubahan wang haram (332 kes), lain-lain seksyen (308 kes), Kanun Keseksaan (23 kes) dan lain-lain akta sebanyak 11 kes," katanya.

"Faktor lain adalah disebabkan tekanan kewangan, beban hutang atau masalah peribadi antara faktor seseorang terbabit rasuah terutama apabila mereka melihat peluang yang mudah untuk melakukan rasuah"

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki





HARIANMETRO
13.04.2026 (ISNIN)

Kuala Lumpur: Bentuk penerimaan rasuah yang paling kerap digunakan kini tidak lagi terhad kepada wang tunai semata-mata, sebaliknya ia makin pelbagai dan terselindung.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, penerimaan rasuah kini bertukar kepada transaksi pindahan kewangan secara digital termasuk transaksi dalam talian, penggunaan akaun proksi serta pengaliran dana melalui pihak ketiga.

Menurutnya, ada juga yang menerima rasuah da-

lam bentuk barangan mewah seperti kenderaan, jam tangan, barang kemas dan aset bernilai tinggi.

"Ada juga yang menerima perkhidmatan dan kemudahan termasuk penajaan percutian, penginapan, hiburan, yuran pendidikan serta kemudahan gaya hidup lain.

"Ada juga yang menerima bayaran melalui aset digital dan mata wang kripto," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Beliau berkata, trend itu mencerminkan bahawa ra-

suah hari ini semakin kompleks dan adaptif.

"Justeru, SPRM memperkukuh pendekatan melalui siasatan berasaskan risikan, analisis forensik kewangan dan penggunaan teknologi bagi memastikan semua bentuk penerimaan rasuah dapat dikesan dan ditangani secara berkesan.

"SPRM juga tidak ketinggalan dalam memanfaatkan tek-

nologi kecerdasan buatan (AI) sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh keupayaan siasatan, pencegahan dan analisis risiko rasuah," katanya.

Menurut Azam, penggunaan AI oleh SPRM tertumpu kepada analisis data berskala besar termasuk mengesan pola transaksi kewangan

yang mencurigakan, hubungan antara individu atau entiti ser-

ta mengenal pasti sektor dan proses yang berisiko tinggi.

"Pendekatan ini membolehkan SPRM bertindak lebih pantas, tepat dan berasaskan bukti.

"Dalam aspek pencegahan dan tatakelola pula, teknologi AI digunakan untuk menyokong analisis risiko rasuah, penilaian pematuhan serta cadangan penambahbaikan sistem khususnya dalam bidang seperti perolehan dan pengurusan projek awam," katanya.

Menurutnya, SPRM menegaskan bahawa AI berfungsi sebagai alat sokongan dan bukan pengganti pertimbangan profesional pegawai penyiasat.

"Setiap keputusan penting tetap dibuat berdasarkan undang-undang, semakan manusia dan prinsip keadilan.

"Pada masa yang sama, SPRM mengambil pendekatan berhati-hati dengan memastikan penggunaan AI mematuhi etika, tadbir urus data dan perlindungan hak asasi," katanya.

Trend rasuah kini makin kompleks, adaptif

Ada yang terima bayaran melalui aset digital dan mata wang kripto



HARIANMETRO
15.04.2026 (RABU)



ERWAN (dua dari kiri) keluar dari mahkamah, semalam.

Nafi terima suapan komisen RM2,000

Ayer Keroh: Bekas Pengurus Pentadbiran Melaka Halal Hub didakwa di Mahkamah Sesyen, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan komisen insurans syarikat bernilai lebih RM2,000 empat tahun lalu.

Tertuduh, Erwan Abdul Aziz bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah terhadapnya di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Pengurus Pentadbiran Melaka Halal Hub Sdn Bhd (MHHSB) didakwa menggunakan

jawatannya untuk menerima suapan komisen sebanyak RM1,096.57.

Kesalahan itu didakwa dilakukan sebagai balasan mencadangkan sebut harga syarikat milik isterinya yang dilantik sebagai ejen insurans bagi pembelian insurans kebakaran MHHSB dengan nilai premium RM7,310.48 untuk perlindungan bernilai RM6 juta.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan perbuatan sama dengan menerima suapan komisen RM1,102.20.

Kedua-dua kesalahan itu masing-masing didakwa dilakukan pada 27 September 2022 dan 27 September 2023

di Pejabat MHHSB dalam daerah Jasin.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Nor Syakila Yaacob dan Noor Juliana Yahaya yang menawarkan jaminan RM20,000 bagi kedua-dua pertuduhan selain syarat

tambahan.

Tertuduh yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Ishak Mohd Kari bagaimanapun merayu jaminan rendah dengan alasan kini bekerja sendiri dan mempunyai pendapatan yang tidak menentu.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri kepada SPRM sebulan sekali sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan sebutan semula kes pada 14 Mei depan.



BERITAHARIAN
15.04.2026 (RABU)

CEO badan berkanun disyaki rasuah

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM1 juta sebagai balasan membantu meluluskan bayaran tuntutan kontraktor berkaitan membina gelanggang skuasy bernilai RM7 juta di ibu negara.

Perintah reman selama lima hari sehingga 18 April ini terhadap suspek dikeluarkan Majistret Ezrene Zakaria selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi tadi.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 40-an ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin di sebuah pusat membeli belah di Lembah Klang.

“Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada Mac lalu dan meminta rasuah RM1 juta.

“Bagaimanapun suspek dipercayai menerima kira-kira RM500,000 tunai sebelum Aidilfitri lalu dan RM100,000 lagi semalam daripada kontraktor terbabit di pusat membeli-belah di Lembah Klang,” katanya.

“Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada Mac lalu dan meminta rasuah RM1 juta.

“Bagaimanapun suspek dipercayai menerima kira-kira RM500,000 tunai sebelum Aidilfitri lalu dan RM100,000 lagi semalam daripada kontraktor terbabit di pusat membeli-belah di Lembah Klang,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kanan (Kawalan dan Penyelarasan Operasi) Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009.



CEO badan berkanun dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)



SINARHARIAN
16.04.2026 (KHAMIS)

Bekas pengarah pusat pendidikan IPTA bergelar Datuk direman salah guna duit RM1 juta

PUTRAJAYA - Bekas pengarah pusat pendidikan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menyalahgunakan kedudukan dengan menggunakan wang berjumlah kira-kira RM1 juta bagi tujuan peribadi.

Lelaki berusia lingkungan 60-an itu direman lima hari sehingga 19 April selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini pada Rabu.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 8 malam pada Selasa ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2023 hingga 2025 dan ketika itu dia menjawat jawatan sebagai pengarah IPTA terbabit.

"Suspek dipercayai mempunyai kepentingan dalam sebuah syarikat yang terlibat secara langsung dengan pusat pendidikan terbabit dan meng-

gunakan wang tersebut untuk kepentingan peribadi," katanya.

Tambah sumber, susulan daripada siasatan tersebut, SPRM membekukan empat akaun bank iaitu satu akaun syarikat dan tiga akaun individu berjumlah keseluruhan kira-kira RM600,000.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Suspek ditahan ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.



BERITAHARIAN
16.04.2026 (KHAMIS)

SPRM tahan bekas pengarah pusat pendidikan IPTA

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas pengarah pusat pendidikan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bergelar Datuk, kerana disyaki menyalahguna kedudukan dengan menggunakan dana berjumlah kira-kira RM1 juta bagi tujuan peribadi.

Suspek berusia 60-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara 2023 hingga 2025 ketika menjawat jawatan sebagai Pengarah IPTA berkenaan.

Suspek dipercayai ada kepentingan dalam sebuah syarikat yang terbabit secara langsung dengan pusat pendidikan itu dan menggunakan wang terbabit untuk kepentingan peribadi.

Susulan siasatan itu, SPRM membekukan empat akaun bank

iaitu satu akaun syarikat dan tiga akaun individu berjumlah keseluruhan kira-kira RM600,000.

Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan bekas pengarah terbabit.

Beliau berkata, perintah reman selama lima hari sehingga 19 April 2026 dikeluarkan terhadap suspek oleh Majistret, Ezrene Zakaria selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi semalam.

Sementara itu, SPRM menahan tiga penjawat awam agensi penguatkuasaan sebuah daerah di Sabah kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM500,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas lori milik syarikat yang melakukan kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Perintah reman tujuh hari sehingga 22 April dikeluarkan oleh Majistret, Don Stiwin Malanjum,

susulan permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Tawau pagi semalam.

Ketiga-tiga ditahan antara jam 4 dan 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM cawangan Tawau.

"Siasatan awal mendapati semua suspek disyaki melakukan perbuatan itu di antara 2022 hingga 2024 dan menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi milik masing-masing.

"Ketiga-tiga suspek, iaitu dua pegawai dan seorang anggota penguat kuasa itu turut dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan bernilai antara RM500 hingga RM30,000 seorang daripada beberapa buah syarikat kenderaan berat," katanya.

Timbalan Pengarah Kanan (Kawalan dan Penyelarasan Operasi) Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Yuhafiz Mohd Salleh, ketika dihubungi mengesahkan penahanan.



Bekas pengarah pusat pendidikan IPTA bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan SPRM)



HARIANMETRO
20.04.2026 (ISNIN)

KES RASUAH GELANGGANG SKUASY BERNILAI RM7 JUTA

KBS **serah** pihak berkuasa siasat

Kuala Terengganu

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat kes rasuah yang melibatkan gelanggang skuasy bernilai RM7 juta di Kuala Lumpur.

Menteri Belia dan Sukan, Dr Mohammed Taufiq Johari berkata, pihaknya juga sentiasa terbuka dan juga bersedia memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak, terutama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi membantu siasatan kes itu.

"Saya tidak akan berkompromi dengan mana-mana kes yang berlaku, khususnya dalam kementerian ini.

"Kami berpegang kepada prinsip tatakelola yang

baik, sebab itu di peringkat kementerian juga kami inginkan kementerian ini (KBS) bersih dan kami akan memberikan kerjasama yang baik. Namun saya tidak boleh membuat sebarang 'penghakiman'. Biarlah pihak berkuasa yang meneliti perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Fiesta Rakan Muda X Play True Day Peringkat Terengganu 2026 dan Kompleks Sukan Air Terengganu di Kompleks Sukan Air Terengganu di sini, kelmarin.

Sebelum ini, seorang ketua pegawai eksekutif sebuah badan berkanun dilaporkan direman selama lima hari kerana disyaki terlibat rasuah kira-kira RM1 juta bagi kontrak

pembinaan gelanggang skuasy.

Menurut sumber, bayaran itu dipercayai sebagai balasan membantu meluluskan tuntutan kontraktor berkaitan pembinaan gelanggang skuasy bernilai RM7 juta di ibu negara.

Dalam perkembangan lain, Dr Mohammed Taufiq berkata, keputusan untuk tidak menyediakan perkampungan sukan pada Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026 dibuat oleh tuan rumah dengan persetujuan daripada wakil dari setiap negeri pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA sebelum ini.

"Saya memberikan ruang dan peluang kepada semua exco ketika itu untuk memberikan pandangan dan kata putus te-

lahpun dicapai. Maknanya semua negeri bersetuju. Jadi, saya hanya menyampaikan keputusan mesyuarat.

"Jadi, ia bukan keputusan KBS. Ia adalah keputusan yang dicapai secara bersama dan idea ini dilontarkan oleh tuan rumah sendiri. Kami (KBS) hanya menyalaras," katanya.

Dr Mohammed Taufiq ketika ditanya mengenai permintaan sesetengah pihak untuk mengkaji semula kadar subsidi sebanyak RM100 sehari kepada atlet bagi menggantikan ketiadaan perkampungan sukan pada edisi kali ini berkata pihaknya akan meneliti dan berbincang dengan pihak tuan rumah, iaitu Selangor bagi menentukan langkah-langkah yang terbaik.



BERITAHARIAN
21.04.2026 (SELASA)

154 pelabur serah memorandum kepada SPRM, dakwa rugi RM9j

Desak siasatan segera terhadap koperasi pernah dinobat terbaik di Pahang 2022

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sekumpulan pelabur menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam, bagi mendesak siasatan segera terhadap sebuah koperasi yang pernah dinobatkan terbaik di Pahang pada 2022 selepas mendakwa mengalami kerugian besar.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim, berkata koperasi berkenaan menawarkan beberapa skim termasuk simpanan khas, tabung emas serta pelaburan dalam pelbagai jenis perniagaan dengan janji pulangan antara satu hingga tiga peratus sebulan.

Katanya, tawaran itu menarik minat ramai pelabur khususnya dari Pahang dan Lembah Klang

yang melihatnya sebagai peluang menjana pendapatan tambahan.

"Ada dalam kalangan pelabur menggunakan simpanan sendiri, malah ada yang sanggup mengeluarkan wang simpanan kerana yakin dengan pulangan dijanjikan, namun akhirnya berdepan kerugian apabila keuntungan itu tidak diperolehi," katanya kepada pemberita, semalam.

Seramai 154 mangsa hadir menyerahkan memorandum membabitkan jumlah kerugian dianggarkan RM9 juta.

Mangsa mendakwa sebelum ini aduan sudah dibuat kepada Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), namun tiada tindakan dikenakan terhadap pihak terbabit.

Usaha mangsa untuk mendapatkan penjelasan serta pemulangan modal daripada wakil koperasi, termasuk penebusan semula pelaburan juga didakwa gagal walaupun tempoh matang yang dijanjikan sudah tamat.

Hishamuddin berkata, pihak pengadu berharap tindakan segera dapat diambil bagi melindungi kepentingan pelabur.

Sehubungan itu, beliau menggesa siasatan menyeluruh dilakukan segera di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 bagi memastikan keadilan kepada semua



Hishamuddin (tengah) bersama sebahagian mangsa sebelum menyerahkan memorandum kepada SPRM di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

mangsa terbabit.

Labur RM200,000 wang pencen

Sementara itu, pesara syarikat swasta, Osman Parja, 63, dari Puchong berkata beliau menyertai program berkenaan sejak 2021

dan hanya menerima bayaran keuntungan sebanyak dua kali berjumlah RM7,000.

Katanya, RM200,000 wang simpanan hasil pencen dilaburkan dalam koperasi terbabit dan kini berdepan dengan masalah kewa-

ngan selepas tidak menerima pulangan.

"Kami berharap pihak berkuasa menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan tegas sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang," katanya.

B/Harian - 21/4/2026 - selangor



SINARHARIAN
22.04.2026 (RABU)

RM230 juta dana zakat lesap

FOTO: SPRM

Antara kenderaan mewah yang disita SPRM untuk siasatan kes selewang dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.



Timbalan pengerusi NGO antara tiga ditahan SPRM Selangor

Oleh MUHAMMAD AFHAM
RAMLI

SHAH ALAM - Tiga individu termasuk seorang timbalan pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditahan pada Selasa kerana disyaki menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.

Menurut sumber, dua suspek lelaki berusia lingkungan 50-an dan 60-an ditahan antara jam 3 hingga 5 petang dalam operasi yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor di Lembah Klang.

Sementara itu, seorang lagi

suspek berusia lingkungan 50-an ditahan pada jam 2 petang ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek yang juga dua daripadanya merupakan pengarah syarikat disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut antara 2018 hingga 2024.

"Siasatan turut mendapati timbalan pengerusi NGO tersebut telah memindahkan RM230 juta berkenaan ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan juga tujuan peribadi," kata sumber.

Menurut sumber itu lagi, siasatan kini menjurus kepada elemen penyelewengan dana awam memandangkan NGO tersebut merupakan sebuah pertubuhan yang menerima sumbangan orang ramai bagi

tujuan membantu golongan yang memerlukan.

Tambahnya, dalam operasi tersebut SPRM turut menyita 18 unit kenderaan mewah antaranya Porsche dan Mercedes, rumah serta hartanah bernilai kira-kira RM11 juta, serta pelbagai harta alih lain termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.

"Selain itu, SPRM turut membekukan 33 akaun bank berjumlah kira-kira RM120 juta," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Mohd Azwan Ramli ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaldumkan bahawa kes disiasat di bawah Akta SPRM 2009.

"Kesemua suspek dijangka dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok (Rabu) bagi permohonan reman," katanya.



HARIANMETRO
22.04.2026 (RABU)

ASKAR DIDAKWA AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK, SIMPAN GAMBAR LUCAH

Prebet minta dibicarakan

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh semalam, atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizika terhadap dua kanak-kanak perempuan dan memiliki pelbagai gambar serta video lucah dalam telefon bimbit, minggu lalu.

Prebet Muhammad Fudhail Fathollah Hamdan, 23, mengaku faham pertuduhan terhadap yang dibacakan jurubahasa mahkamah dan meminta dibicarakan.

Prosiding kes didengar Hakim Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin manakala pendakwaan dan pembelaan, masing-masing diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qaiyyum Ramlan dan peguam, SS Amritpal Singh.

Berdasarkan pertudu-



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ayer Keroh. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

han, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia lapan

tahun enam bulan.

Perbuatan itu didakwa dilakukannya di sebuah rumah kosong tidak berpeng-

huni di No 35, Jalan Serindit, Kem Terendak, Sungai Udang, di sini, pada 12 April lalu, kira-kira jam

4.30 petang.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama terhadap seorang lagi kanak-kanak berusia 10 tahun.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.

Seterusnya, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan kerana memiliki pelbagai gambar dan video lucah yang disimpan dalam telefon bimbit miliknya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan ketika tertuduh di Pejabat Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka pada 13 April lalu, kira-kira jam 8 malam.

Terdahulu, pendakwaan mencadangkan jaminan RM40,000 bagi semua per-

tuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan difikirkan perlu oleh mahkamah termasuk tidak mengganggu mangsa dan saksi serta melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Peguam merayu jaminan dikurangkan kerana anak guamnya bakal melangsungkan perkahwinan hujung tahun ini.

Katanya, tertuduh berkhidmat selama dua tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia dan sudah bertunang tahun lalu.

"Keluarganya tidak mampu membayar jaminan tinggi dan bergantung kepada pendapatan tertuduh. Tunang tertuduh turut hadir di mahkamah hari ini (semalam)," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin berserta syarat dipohon pendakwaan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 26 Mei depan bagi serahan dokumen.



BERITAHARIAN
22.04.2026 (RABU)

Kes rasuah terowong bawah laut

'Tiada niat kenakan Guan Eng'

Saksi utama dakwa tuduhan tak munasabah, bekas KM bukan musuh

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Saksi utama pendakwaan kes rasuah projek pembinaan jalan utama dan terowong dasar laut Pulau Pinang dihadapi Lim Guan Eng, menegaskan beliau tidak ada sebarang niat atau motif untuk mengenakan bekas ketua menteri itu sehingga didakwa di mahkamah.

Ahli perniagaan, Datuk Seri G Gnanaraja yang juga saksi pendakwaan ke-37 berkata, dakwaan sebegitu tidak munasabah kerana Guan Eng bukan musuhnya dan Penasihat DAP itu juga tidak pernah berbuat jahat kepadanya.

Gnanaraja berkata, jika beliau ada kecenderungan untuk menipu seperti didakwa pembelaan, sudah tentu beliau akan menyatak empat beg berisi wang di-

berikan bekas Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli, adalah untuk Guan Eng.

"Tetapi saya tidak ada niat untuk kenakan Guan Eng dengan motif penipuan. Saya dari awal lagi telah mengaku ambil wang RM19 juta.

"Kalau saya tidak mengaku, itu sudah menjadi satu penipuan. Di sini saya cakap apa yang saya ambil dan saya juga mengaku apa yang saya beri kepada Guan Eng," katanya.

Gnanaraja berkata demikian ketika menjawab soalan pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Sharuddin Wan Ladin pada perbicaraan kes rasuah berkenaan.

Pada 27 Ogos tahun lalu, Gnanaraja memberitahu mahkamah bahawa beliau sendiri menyerahkan dua beg hitam berisi wang RM2 juta kepada Guan Eng selepas menerimanya daripada Zarul Ahmad di Hotel Eastin Petaling Jaya pada 18 Ogos 2017.

Saksi nafi menipu

Sementara itu, Gnanaraja menafikan beliau menipu dalam kenyataannya berhubung kedatangan Guan Eng ke rumahnya pada jam 3 pagi.



Guan Eng hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hainul Anwar Rahim/BHT)

Gnanaraja berkata, tidak pernah sesiapa pun yang datang ke rumahnya pada waktu berkenaan, walaupun beliau mempunyai rakan berpangkat menteri.

"Hanya Lim Guan Eng sahaja," katanya.

Gnanaraja berkata, beliau juga tidak bersetuju dengan dakwaan dia ada membuat perjanjian dengan pihak pendakwaan untuk menjadi saksi dalam kes rasuah itu bagi mendapatkan pertuduhan yang lebih rendah bagi kes dihadapinya di Shah Alam.

"Pada awalnya dalam kes di Shah Alam, saya tidak menafikan menerima wang daripada Zarul Ahmad. Cuma nak beritahu apa yang selebihnya (wang) saya beri kepada siapa. Beginilah bermulanya pembabitkan saya dalam kes ini," katanya.

Pada 3 April 2019, Gnanaraja mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tiga pertuduhan menipu Zarul

Ahmad membabitkan RM19 juta.

Beliau didakwa memperdaya Zarul Ahmad dengan mempercayai beliau boleh membantu menutup siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadapnya.

Bagaimanapun, kes itu kemudian diklasifikasi sebagai tiada tindakan lanjut (NFA).

Selepas Gnanaraja selesai memberi keterangan, prosiding diteruskan dengan pendengaran permohonan pihak pendakwaan untuk meminda pertuduhan pertama ke atas Guan Eng.

Hakim Azura Alwi kemudian menetapkan pada 6 Mei bagi keputusan dan menyambung perbicaraan.

Gnanaraja memberikan keterangan terhadap Guan Eng yang didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu, menggunakan kedudukan beliau untuk menerima RM3.3 juta.



BERITAHARIAN
22.04.2026 (RABU)

Tiga disyaki seleweng dana zakat RM230 juta ditahan SPRM

Timbalan Pengerusi sebuah NGO pindah wang ke akaun syarikat untuk pelaburan dan peribadi

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Timbalan Pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antara tiga individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.

Difahamkan, dua suspek lelaki berusia lingkungan 50-an dan 60-an ditahan antara jam 3 hingga 5 petang dalam operasi di Lembah Klang, semalam.

Sumber berkata, seorang lagi berusia 50-an ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor, kira-kira jam 2 petang semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati semua suspek yang juga dua daripadanya ialah pengarah syarikat disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu di antara 2018 hingga 2024.

"Siasatan awal turut mendapati Timbalan Pengerusi NGO terbabit sudah memindahkan RM230 juta ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan juga tujuan peribadi.

"Siasatan kini menjurus kepada elemen penyelewengan dana awam memandangkan NGO berkenaan sebuah pertubuhan yang menerima sumbangan orang ramai bagi tujuan membantu golongan memerlukan," katanya di sini, semalam.

Pengarah SPRM Selangor, Mohd Azwan Ramli ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

Katanya, kes ini disiasat mengikut Akta SPRM 2009 dan se-



Antara kenderaan mewah yang disita SPRM Selangor susulan siasatan kes penyeleweng dana zakat.

(Foto ihsan SPRM)

mua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor hari ini untuk permohonan reman.

Sita 18 kenderaan mewah
Sementara itu, BH difahamkan, SPRM menyita 18 unit kenderaan

mewah, rumah dan hartanah bernilai kira-kira RM11 juta serta pelbagai harta alih lain, termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.

Selain itu, SPRM turut membekukan 33 akaun bank berjumlah kira-kira RM120 juta.

Antara barangan mewah yang disita SPRM termasuk 18 unit kenderaan mewah Porsche dan Mercedes; rumah juga hartanah bernilai kira-kira RM11 juta serta pelbagai harta alih lain termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

Penguat kuasa ditahan, terima suapan RM11k

George Town: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang menahan seorang anggota penguat kuasa kerana disyaki meminta dan menerima suapan kira-kira RM11,000 sebagai balasan melindungi pekerja asing daripada diambil tindakan undang-undang.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira 4 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Pulau Pinang.

"Siasatan awal juga mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan terse-

but antara bulan November 2024 hingga April 2025.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan sebanyak tujuh kali melalui transaksi pemindahan wang ke akaun Touch 'n Go miliknya," menurut sumber itu.

Timbalan Pengarah Operasi SPRM Pulau Pinang Mustafa Kamal Ahmad ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Sindiket manipulasi ePASS terbongkar

Putrajaya: Jabatan Imigresen (JIM) menumpas satu kegiatan pemalsuan data dan dokumen pekerja warga asing menerusi pelaksanaan Ops Serkap, hasil risikan serta peman-tauan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Zakaria Shaa-ban berkata serbuan di dua premis kediaman di Selayang dan Desa Petaling itu membongkar tak-tik licik sindiket yang cuba memanipulasi sistem imigresen serta mencabar integriti pengurusan warga asing negara.

"Siasatan awal menda-

pati modus operandi sindiket ini melibatkan pengubahsuaian ke atas dokumen tulen JIM seperti ePASS dan mengeluarkan pelekat palsu yang digunakan oleh pihak lain bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya.

Sindiket itu juga menyediakan dokumen pendaftaran perkahwinan dan laporan perubatan bagi tujuan permohonan melibatkan JIM dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

"Sindiket ini dipercayai beroperasi secara terancang selama hampir dua tahun bagi memudahkan kemasukan dan keberada-

an warga asing secara tidak sah di negara ini," katanya.

Zakaria berkata dirampas dalam serbuan itu ialah 11 pasport pelbagai negara, i-Kad (15), masing-masing lima peranti digital dan telefon bimbit serta sebuah mesin pencetak.

Beliau berkata seorang wanita dan dua lelaki warga Sri Lanka berusia 35 hingga 45 tahun ditahan bagi membantu siasatan selain satu saman kepada saksi (Borang 29) dikeluarkan bagi membantu siasatan lanjut.

Beliau berkata individu ditahan ditempatkan di depot imigresen untuk siasatan lanjut mengikut Akta

Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 serta Akta Anti Permerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

"Modus operandi sindiket ini melibatkan pengubahsuaian ke atas dokumen tulen JIM seperti ePASS dan mengeluarkan pelekat palsu"

Zakaria



SINARHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Skandal seleweng RM230 juta

Siasatan SPRM mendapati dana tidak sampai ke tujuan sepatutnya, tapi digunakan untuk kepentingan peribadi

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Kes penyelewengan berjumlah kira-kira RM230 juta yang dikaitkan dengan seorang timbalan pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak membabitkan sumber dana daripada badan zakat.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki sebaliknya berkata, wang yang di-selewengkan itu adalah daripada sumbangan yang diberikan pelbagai pihak serta komisen kepada pertubuhan terbabit.

Bagaimanapun, katanya, sebahagian sumbangan yang di-selewengkan tersebut juga termasuklah kutipan yang seharusnya disalurkan kepada badan zakat sebuah negeri.

"Dalam siasatan terkini SPRM, NGO ini menerima dana sumbangan daripada pelbagai pihak dan sumber termasuklah komisen yang diperoleh daripada kutipan tertentu untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

"Bagaimanapun, dana ini tidak sampai ke tujuan yang sepatutnya, sebaliknya ada dalam kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab menyeleweng dana-dana ini untuk kepentingan peribadi termasuk membeli aset-aset mewah," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Azam turut menjelaskan, kes penyelewengan terbabit baru membabitkan NGO tersebut setakat ini

LAPORAN MUKA DEPAN



Antara kereta mewah yang disita SPRM bagi membantu siasatan.

tidak membabitkan mana-mana institusi zakat di negara ini.

Namun, ujar beliau, siasatan masih berjalan dan pihaknya sedang memperluaskan skop siasatan.

"SPRM komited untuk terus memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap proses semakan serta siasatan yang dijalankan selaras dengan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik," katanya.

Pada Selasa, tiga individu membabitkan seorang timbalan



AZAM

pengerusi NGO dan dua orang pengarah syarikat dilaporkan ditahan SPRM.

Siasatan awal mendapati mereka disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2018 dan 2024.

Timbalan pengerusi sebuah NGO itu disyaki memindahkan RM230 juta tersebut ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan peribadi.

SPRM turut menyita 18 unit kenderaan mewah, antaranya

Porsche dan Mercedes, rumah juga hartanah bernilai kira-kira RM11 juta serta pelbagai harta alih lain termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.

Selain itu, SPRM turut membekukan 33 akaun bank berjumlah kira-kira RM120 juta.

Kes disiasat di bawah Akta SPRM 2009 dan siasatan kini menjurus kepada elemen penyelewengan dana awam memandangkan NGO tersebut merupakan sebuah pertubuhan yang menerima sumbangan orang ramai bagi tujuan membantu golongan memerlukan.

RM230 juta dana zakat lesap



Dibekukan pengiraan 33 akaun bank berjumlah RM120 juta. SPRM menyita 18 unit kenderaan mewah, termasuk Porsche dan Mercedes. Siasatan SPRM mendapati dana zakat berjumlah RM230 juta tidak sampai ke tujuan sepatutnya, sebaliknya digunakan untuk kepentingan peribadi.

Laporan Sinar Harian pada Rabu.



SINARHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Dua termasuk timbangan pengurus NGO direman empat hari

SHAH ALAM - Dua individu termasuk seorang timbalan pengurus sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang disyaki terlibat kes menyeleweng dana berjumlah kira-kira RM230 juta direman empat hari bagi membantu siasatan.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki yang masing-masing berumur 57 dan 61 tahun itu dikeluarkan Majistret Ameera Mastura Khamis selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Kes berkenaan disiasat mengikut Akta SPRM 2009.

Terdahulu, kedua-dua suspek tiba di pekarangan Mahkamah Shah Alam pada 9.07 pagi dengan menaiki van SPRM.

Pada Selasa, SPRM Selangor menahan seorang suspek berusia 50-an pada jam 2 petang ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM.

Sementara dua suspek berusia lingkungan 50-an dan 60-an pula ditahan antara jam 3 dan 5 petang dalam operasi di sekitar Lembah Klang.



Dua individu termasuk seorang timbalan pengurus sebuah NGO dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu untuk mendapatkan perintah tahanan reman.



SINAR HARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Ikram tidak akan berkompromi

Rehatkan keahlian individu yang dikaitkan dengan kes penyelewengan dana RM230 juta



BADLISHAH SHAM

SHAH ALAM - Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) merehatkan serta-merta ahlinya yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana membabitkan RM230 juta.

Presiden Ikram, Badlishah Sham Baharin berkata, pihaknya mengambil maklum laporan berhubung penahanan tiga individu di Hulu Selangor susulan kes berkenaan.

Menurut beliau, Ikram memandang serius perkara itu dan menegaskan bahawa integriti serta amanah merupakan asas utama yang sentiasa menjadi keutamaan dalam seluruh gerak kerja organisasi.

ganisasi.

"Sehubungan itu, Ikram menghormati sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak SPRM dan akan terus memberikan kerjasama sewajarnya, selaras dengan keperluan undang-undang serta prinsip keadilan.

"Selain itu, sebagai langkah pentadbiran dan tanpa sebarang prejudis kepada mana-mana pihak, individu yang terlibat telah direhatkan serta-merta daripada semua jawatan dan tanggungjawab dalam organisasi. Langkah ini diambil bagi memastikan kelancaran serta ketelusan proses siasatan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Badlishah Sham bagaimanapun berkata, kes berkenaan melibatkan individu dan tidak berkaitan dengan organisasi secara langsung.

Selaras dengan perlembagaan Ikram, katanya, tindakan tatatertib akan diambil sekiranya individu tersebut didapati bersalah bagi memastikan integriti organisasi terus terpelihara.

"Ikram akan terus menghormati proses undang-undang yang sedang berjalan dan tidak akan membuat sebarang ulasan lanjut berhubung perkara ini. Segala keputusan dan penjelasan adalah tertakluk kepada hasil siasatan pihak berkuasa.

"Semakan dalaman sedang dan akan diteruskan bagi memastikan penilaian yang menyeluruh. Kami memohon agar ruang diberikan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan dengan sewajarnya," ujarnya.



Ikram menghormati sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan SPRM dan akan terus memberikan kerjasama sewajarnya.

ANTARA KES SELEWENG DANA, RASUAH LIBATKAN NGO



21 JANUARI 2022

Sembat 22 individu ditahan SPRM berhubung kes penyelewengan geran dana program pembangunan unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Kesemua suspek ditahan sekitar Perak, Selangor, Kedah, Johor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka dalam operasi Mira 2.0.

14 FEBRUARI 2024

SPRM menahan tiga individu kerana disyaki terlibat dalam kes pengubahan wang haram hasil daripada penyelewengan dana demiawam Amin Palestin. Kesemua suspek lelaki berusia lingkungan 40-an hingga 50-an ditahan di pejabat SPRM Putrajaya ketika memberi keterangan.

12 JUN 2025

SPRM menahan empat individu termasuk tiga A.K.A sebuah NGO disyaki bertubuh penyeleweng aset dan wang haram berjumlah RM6 juta. Dana tersebut adalah milik NGO di tempat mereka bekerja. Empat suspek terdiri daripada dua lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 30-an ditahan ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

10 JUN 2025

SPRM membongkar kegiatan penyelewengan dana sebuah NGO hasil sambutan orang ramai melibatkan jumlah RM28 juta. Kegiatan itu terbongkar susulan tangkapan lima suspek termasuk pengurus, setiausaha, bendahari dan pegawai kewangan sebuah pertubuhan memerusi Op Serantau yang dijalankan SPRM Selangor di beberapa lokasi sekitar Selangor, Melaka serta Pulau Pinang. Lima suspek diaman tujuh hari bagi membantu siasatan.

12 JANUARI 2025

Dekas Pengurus Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim berusia 39 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesiyen Kuala Lumpur atas satu kes salah guna wang RM207,000 misa komandusasi untuk Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin, tujuh tahun lalu.

5 FEBRUARI 2026

SPRM menahan seorang setiasa NGO kerana disyaki seleweng dana milik pertubuhan terbabit berjumlah RM4.2 juta. Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Mahkamah Majistret Putrajaya sendiri selepas itu membenarkan permohonan reman selama tiga hari.

11 FEBRUARI 2026

Seorang pengarah sebuah NGO dan seorang penolong pengarah syarikat diaman empat hari di Mahkamah Majistret Putrajaya kerana disyaki salah guna kuasa dengan menyeleweng dana awam berjumlah kira-kira RM500,000.



SINARHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Pendakwah bebas disyaki seleweng dana RM12.3 juta

SEREMBAN – Seorang pendakwah bebas direman lima hari selepas disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng dana sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kira-kira RM12.3 juta untuk kepentingan peribadi.

Perintah reman terhadap suspek dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Majistret Sara Afiah Zulkifli membenarkan suspek direman selama lima hari bermula 22 hingga 26 April.

Menurut sumber, suspek yang berusia

lingkungan 30-an ditahan kira-kira jam 8 malam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan awal mendapati, suspek yang juga pengerusi NGO terbabit disyaki melakukan perbuatan itu dari September 2022 hingga kini.

"Suspek dipercayai menyalahgunakan jawatannya dan bersubahat bersama dua ahli jawatankuasa lain dengan memindahkan wang sebanyak RM12.3 juta ke akaun bank peribadi dan lapan lagi syarikat miliknya," katanya.

Tambahnya, SPRM Negeri Sembilan sudah membekukan 15 akaun terdiri daripada tiga akaun bank persendirian, tiga akaun bank NGO dan sembilan akaun bank syarikat dengan berjumlah RM16.5 juta untuk tujuan siasatan.

Selain itu, turut disita wang tunai termasuk mata wang asing serta tiga utas jam tangan bernilai RM5,000, tiga beg tangan berharga RM3,000 serta lima gelang tangan berjumlah RM26,000.

"Turut disita sebarang cincin berharga RM2,000, satu unit rantai (RM7,000) dan 51 keping emas satu gram dengan nilai RM31,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg ismail, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Pendakwah bebas (tengah) direman lima hari di Mahkamah Majistret Seremban.

SPRM beku akaun RM160 juta milik ahli sindiket penyeludupan

KUALA LUMPUR – Seorang pemilik syarikat disyaki terlibat dalam sindiket isytihar palsu barang import direman lima hari di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Suspek lelaki berusia lingkungan 30-an ditahan kira-kira jam 5 petang dalam satu operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek bertindak sebagai 'runner' bagi individu, syarikat dan juga ejen penghantaran menguruskan kemasukan barang-barang import di Pelabuhan Klang sejak 2020.

"Suspek dipercayai salah seorang ahli sindiket menggunakan modus operandi *Trade Based Money Laundering*," katanya.

Sumber berkata, SPRM turut menggeledah 14 lokasi antaranya premis syarikat dan kediaman suspek di sekitar Lembah Klang.

"Op Celio menasaskan 28 entiti terdiri daripada individu dan syarikat melibatkan pengimport, ejen penghantaran dan orang tengah disyaki membuat pengisytiharan butiran palsu berkaitan kuantiti dan jenis barangan import kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk mengelak dan pengurangan duti import.

"Siasatan turut dipercayai sindiket ini memberi rasuah kepada penguat kuasa melindungi aktiviti haram selain terlibat dalam pengubahan wang haram



Suspek (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk direman.

bernilai jutaan ringgit selain menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil duti mencecah kira-kira RM1.5 bilion dalam tempoh lima tahun," katanya.

Melalui operasi itu juga, SPRM membekukan 133 akaun bank persendirian dan syarikat berjumlah RM160 juta.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4(1) (a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/FP/UA 2001).

"Op Celio akan diteruskan dengan menasaskan 14 premis dan ejen penghantaran di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan," katanya.



SINARHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

KP Jupem hadapi dua pertuduhan berkaitan penggunaan kedudukan untuk suapan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan menggunakan kedudukan untuk memperoleh suapan lebih RM136,000 di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Tertuduh, Datuk Hazri Hassan, 57, yang memakai kemeja putih dan berkot kelabu membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Berdasarkan kedua-dua pertuduhan, beliau didakwa sebagai ketua pengarah jabatan itu dan Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) menggunakan kedudukan untuk memperoleh suapan RM30,201.16 dan RM105,914 bagi diri sendiri.

Perbuatan itu dilakukan dengan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Lembaga LJT yang membincangkan penyertaan tertuduh dalam Sesi ke-14 Jawatankuasa Pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu me-

Mengaku tidak bersalah terima suapan RM136,000



Hazri (tengah) menghadapi dua pertuduhan menggunakan kedudukan untuk suapan lebih RM130,000 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Rabu.

ngenai Pengurusan Maklumat Geospasial Global (UN-GGIM) di New York, Amerika Syarikat pada 4 hingga 9 Ogos 2024.

Satu lagi pertuduhan melibatkan Mesyuarat LJT dan Jupem yang membincangkan penyertaan tertuduh dalam

mesyuarat bersama Profesor Dr Shaikh Mohamed Zaffar Sadiq Mohamed Ghouse yang merupakan Naib Presiden serta Pengarah Penasihat dan Inovasi Woolpert, serta Mesyuarat Pleno ke-5 Kumpulan Peringkat Tinggi Rangka Kerja Maklumat Geospasial Bersepadu dan Mesyuarat Biro serta Biro Perluasan Jawatankuasa Pakar di Madinah dan Jeddah, Arab Saudi pada 29 Januari hingga 4 Februari 2025.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Wisma LJT, Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati dan sebuah hotel terkemuka, di sini, masing-masing pada 3 Ogos dan 31 Disember 2024.

Dua pertuduhan itu dibuat di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib bersetuju sekiranya ikat jamin ditetapkan RM70,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan menyerahkan dokumen perjalanan kepada mahkamah.

Sementara itu, peguam Muhammad Amin Othman yang mewakili Hazri memohon mahkamah membenarkan anak guamnya membuat dua kali bayaran ikat jamin.

"RM50,000 dibayar hari ini dan selebihnya pada Jumaat, saya bergantung pada budi bicara mahkamah," katanya.

Selaras mendengar permohonan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan permohonan kedua-dua pihak termasuk pembayaran ikat jamin.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan kes untuk serahan dokumen pada 4 Jun depan.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

Oleh Noor Sara Mohamad Haniff
am@hmetro.com.my

Kangar

SELEWENG DANA AWAM RM230J

‘Wang nak bina hospital Islam’

“Saya sendiri sudah memanggil pihak yang ditahan ini secara peribadi sebelum ini untuk bertanya apa yang berlaku. Mereka mendakwa wang itu digunakan untuk membina hospital Islam. Namun, memandangkan hospital itu berstatus syarikat dan membabitkan banyak pelsburan di dalamnya, biasalah pihak berkuasa jalankan siasatan lanjut mengenainya,” ujar Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Beliau mengulas penahanan dua pengarah syarikat dan seorang timbalan pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) berusia 50-an hingga 60-an itu yang di-

dakwa menyeleweng dana awam RM230 juta.

Kedua-dua suspek direman empat hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam, di sini, semalam bagi membantu siasatan.

Mohd Asri berkata, isu penyelewengan dana disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah membabitkan urus tadbir dalaman NGO berkaitan tanpa membabitkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIAPs).

Menurutnya, MAIAPs menggunakan dana itu mengikut prosedur yang sah selepas pembayar zakat mencadangkan NGO itu sebagai penerima di bawah kategori asnaf fisabilillah.

Katanya, pihak MAIAPs melakukan pengauditan setiap tahun terhadap NGO terbabit dan rekodnya didapati bersih selama belasan tahun sebelum ini.

“Apabila dana diserahkan kepada pihak layak, ia jadi milik mereka. Ibarat kita beri zakat kepada orang miskin, tetapi dia beli rokok. Adakah itu disebabkan kita (pemberi zakat) boleh dituduh menyalahgunakan zakat?”

“Zakat ini bukan di bawah pejabat

Mufti. Pejabat Mufti hanya ada kuasa fatwa, manakala urusan pengagihan wang zakat di bawah bidang kuasa MAIAPs sepenuhnya. Ia hanya dalam sesi audio siasat bagi mengulas laporan penahanan timbalan pengerusi NGO dan dua pengarah syarikat oleh SPRM berhubung dakwaan menyeleweng dana zakat bernilai RM230 juta antara 2016 hingga 2024.

Mengulas isu komisen dilakukan diambil pengurusan NGO terbabit, Mohd Asri berkata, upah boleh diberi atas kerja pentadbiran atau usaha pengurusan yang dilakukan.

“NGO itu ada rangkaian besar dan galakan ramai pembayar zakat ke Perlis. Apabila mereka mendapat dana dicadangkan pembayar, mereka agihkan kepada sekolah dan aktiviti dakwah.

“Jika sebahagian wang diberi sebagai upah kepada kumpulan yang berusaha payah membantu menguruskan hal ini, pada pandangan saya mereka layak terima,” katanya.

Namun beliau menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dakwaan wang zakat dipindah ke akaun syarikat bagi tujuan pelaburan dan kegiatan peribadi.

malam.

Kes berkenaan disiasat mengikut Akta SPRM 2009.

Terdahulu, kedua-dua individu itu tiba di penguatkuasaan Mahkamah Shah Alam pada 9.07 pagi dengan menaiki van SPRM.

ANGGOTA SPRM mengiringi dua suspek yang ditahan untuk membantu siasatan.

Shah Alam: Dua individu termasuk seorang timbalan pengerusi sebuah badan bukan kerajaan (NGO) ditahan reman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes menyeleweng dana zakat RM230 juta.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki yang masing-masing berumur 57 dan 61 tahun itu dikeluarkan Majistret Am-

era Mastura Khamis setelah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret di sini, se-



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

IKRAM jamin beri kerjasama penuh

Kuala Lumpur: Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) memberi jaminan akan memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa susulan penahanan tiga individu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang disyaki terbabit dalam siasatan berkaitan pengurusan dana zakat.

Presidennya, Badlishah Sham Bahari berkata, pihaknya memandang serius perkara berkenaan dan menegaskan aspek integriti serta amanah sentiasa menjadi teras utama dalam setiap gerak kerja organisasi itu.

Katanya, sebagai langkah pentadbiran tanpa prejudis terhadap mana-mana pihak, individu terbabit sudah direhatkan serta-merta daripada semua jawatan dan tanggungjawab bagi memastikan kelancaran serta ketelusan proses siasatan oleh pihak berkuasa.

“IKRAM mengambil maklum laporan berhubung penahanan oleh SPRM terhadap tiga individu di Hulu Selangor yang disyaki terbabit dalam siasatan kes terbabit.

“IKRAM menghormati sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak SPRM dan akan terus memberikan kerjasama yang sewajarnya, selaras dengan keperluan undang-undang serta prinsip keadilan.

“IKRAM akan terus menghormati proses undang-undang yang sedang berjalan dan tidak akan membuat sebarang ulasan lanjut berhubung perkara ini.

“Segala keputusan dan penjelasan adalah tertakluk kepada hasil siasatan pihak berkuasa,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

Porsche antara disita

Kuala Lumpur: Mereka mengutip sumbangan untuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan dakwah bagi disalurkan kepada golongan memerlukan dan sebahagiannya untuk diserahkan kepada badan zakat di sebuah negeri, namun ia diselewengkan untuk tujuan peribadi sehingga mampu hidup mewah.

Siasatan juga mendapati Timbalan Pengerusi NGO terbabit turut memindahkan sejumlah RM230 juta wang diselewengkan ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan peribadi.

Sumber berkata, seorang pengarah syarikat yang juga ahli biasa NGO terbabit juga menjadi ejen kutipan zakat bersubahat menyeleweng dana sumbangan orang ramai itu antara 2018 hingga 2024.

"Pengarah syarikat yang mempunyai tiga isteri juga memiliki pelbagai kenderaan mewah bersama nombor plat ditempah dengan harga mahal.

"Malah, rumah mewah diserbu SPRM Selangor bersama 18 kenderaan mewah di Rawang dalam proses pengubahsuaian yang diduduki isteri pertama," katanya.

Sumber berkata, ada isteri memiliki lebih tiga kenderaan dan ada yang memiliki dua kereta namun siasatan masih berjalan.

Dalam operasi itu, kata sumber, SPRM menyita 18 buah kenderaan mewah antaranya Porsche dan Mercedes-Benz, selain rumah bernilai RM11 juta serta pelbagai harta alih lain termasuk wang tunai dan jam tangan berjenama.

"SPRM turut membekukan 33 akaun bank berjumlah RM120 juta," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, dalam susulan siasatan terkini berhubung kes itu, penyelewengan dalam NGO berkenaan setakat ini tidak membabitkan sumber dana daripada mana-mana institusi zakat di negara ini.

"Dalam siasatan terkini SPRM, NGO ini menerima dana sumbangan pelbagai pihak dan sumber termasuk komisen diperoleh daripada kutipan tertentu untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

"Namun dana ini tidak sampai ke tujuan sepatutnya, sebaliknya ada dalam kalangan mereka tidak bertanggungjawab menyeleweng dana untuk kepentingan peribadi termasuk beli aset mewah," katanya.

Katanya, siasatan masih berjalan dan pihaknya memperluas skop siasatan dan komited memastikan ketelusan dalam proses semakan dan siasatan selaras dengan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

Tiada kaitan dengan Zakat Selangor

Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) menegaskan bahawa kes selewang dana yang membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak mempunyai sebarang kaitan dengan agensi berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Selangor, Mohd Khaidzir Shahari berkata, pihaknya mengambil

maklum laporan media berhubung penahanan beberapa individu berkaitan kes penyelewengan dana zakat RM230 juta.

"Zakat Selangor menegaskan bahawa kes yang dilaporkan membabitkan sebuah NGO dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Zakat Selangor atau pengurusan zakat oleh institusi ini.

"Memandangkan siasatan masih berjalan, Zakat Selangor tidak akan ulas lanjut mengenai perkara tersebut," katanya.

Beliau berkata, Zakat Selangor beroperasi sebagai institusi zakat rasmi negeri Selangor di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan sis-

tem tadbir urus, kawal selia serta semak imbang yang menyeluruh.

Katanya, pengurusan dana zakat turut melalui pelbagai lapisan audit dan pemantauan, termasuk audit dalaman, audit luaran serta semakan oleh pihak berautoriti bagi memastikan dana zakat mengurus secara teratur dan terkawal.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

**DISYAKI
SELEWENG
RM12.3 JUTA**

**Pendakwah
bebas
kena tahan**

Seremban: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan menahan seorang pendakwah bebas kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng dana sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di tempatnya bekerja kira-kira RM12.3 juta untuk kepentingan peribadi.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan di sini.

"Siasatan awal mendapati suspek yang juga pengerusi NGO itu disyaki melakukan perbuatan itu pada September 2022 hingga kini.

"Suspek dipercayai menyalahgunakan jawatan dan bersubahat bersama dua ahli jawatankuasa lain," katanya.

SELESAI KES BERKAITAN PERJUDIAN

Inspektor polis **nafi** makan suap RM11,500

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Seorang inspektor polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan rasuah berjumlah RM11,500 bagi menyelesaikan kes berkaitan aktiviti perjudian dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Firdaus Kamal, 39, memohon kesnya dibicarakan ketika kedua-dua pertuduhan itu dibacakan secara berasingan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohd Firdaus yang berkhidmat sebagai inspektor polis dari Bahagian Siasatan Jenayah di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Utara menerima suapan



MOHD Firdaus mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM11,500 di Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam.

wang tunai RM5,000 daripada seorang lelaki berusia 55 tahun.

Ia sebagai dorongan menyelesaikan kes yang disiasat mengikut Seksyen 6(i) Akta Pertaruhan 1953.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di hadapan Bekas Pejabat Kuarantin Tumbuhan di Jalan Bagan Luar Butterworth dalam daerah Seberang Perai Utara

di sini, jam 3.45 petang pada 22 Ogos 2024.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM6,500 daripada individu sama bagi tujuan sama.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Seberang Perai Utara pada 21 Ogos 2024, kira-kira jam

5.30 petang.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Khas Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Seksyen 16(a)(B) akta sama.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Noor Azura Zulkiflee manakala tertuduh diwakili peguam Khaliq Mehtab Mohd Ishaq.

Ketika prosiding, Noor Azura menetapkan jaminan RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan dihadapi tertuduh selain menetapkan syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM sekali pada setiap bulan dan menyerahkan pasport antarabangsa sehingga perbicaraan selesai.

Bagaimanapun, Khaliq Mehtab dalam rayuannya terhadap tertuduh memohon jaminan minima dengan alasan anak guamnya menyara seorang isteri tidak bekerja selain dua anak berusia 8 dan 12 tahun yang masih bersekolah termasuk ibu bapanya yang uzur. Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan meminta mengikut semua syarat tambahan ditetapkan pihak pendakwaan.

Kes disebut semula pada 12 Jun depan.



BERITAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Ketua Pengarah JUPEM dituduh terima suapan lebih RM130,000

Tertuduh mengaku tak salah guna kedudukan dapatkan dana LJT untuk diri sendiri

Oleh Ahmad Jahari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan menggunakan kedudukannya bagi memperoleh suapan dana Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) berjumlah lebih RM130,000.

Datuk Hazri Hassan, 57, mengaku tidak bersalah terhadap

kedua-dua pertuduhan sebaik ia dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Faham, saya tidak mengaku bersalah," katanya.

Bagi tuduhan pertama, Hazri didakwa sebagai Ketua Pengarah JUPEM dan Pengerusi LJT menggunakan kedudukannya untuk suapan iaitu dana LJT berjumlah RM30,201.16 dan RM105,914 untuk diri sendiri, dengan mengambil bahagian di dalam Mesyuarat Lembaga LJT.

Mesyuarat berkenaan telah membincangkan mengenai penyertaan beliau di dalam Sesi ke-14 Jawatankuasa Pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pengurusan Maklumat Geospasial Global di New York, Amerika Syarikat pada 4 hingga 9 Ogos 2024.

Bagi tuduhan kedua pula, beliau mengambil bahagian dalam

Mesyuarat Lembaga LJT yang membincangkan mengenai penyertaannya di dalam "Mesyuarat LJT dan JUPEM bersama Profesor Dr Shaikh Mohamed Zaffar Sadiq Mohamed Ghouse - Naib Presiden dan Pengarah Penasihat & Inovasi Woolpert dan Mesyuarat Plenari ke-5 Kumpulan Peringkat Tinggi bagi Rangka Kerja Maklumat Geospasial Bersepadu dan Mesyuarat Biro serta Biro Diperluas Bagi Jawatankuasa Pakar."

Penyertaannya dalam mesyuarat berkenaan adalah di Madinah dan Jeddah, Arab Saudi pada 29 Januari hingga 4 Februari 2025.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 7, Wisma LJT, Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati, di sini, pada 3 Ogos 2024 dan bilik Park View 2, Mandarin Oriental Hotel di sini, pada 31 Disember 2024.

Dengan itu, Hazri didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika disabitkan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi perkara kesalahan jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Taka Jamin RM70,000

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Ahmad Akram Gharib yang mengetuai pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah, pihaknya dan pembelaan bersetuju supaya jaminan ditetapkan pada RM70,000 dengan seorang penjamin serta syarat dokumen per-

jalan diserahkan kepada mahkamah.

Peguam bela Hazri, Muhammad Amin Othman, mengesahkan persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua belah pihak berhubung jumlah jaminan dan syarat mengenai dokumen perjalanan.

Beliau berkata, bagaimanapun ada persetujuan lanjut di mana kedua-dua pihak bersetuju supaya jumlah jaminan dibayar dua kali, iaitu RM50,000 semalam dan selebihnya Jumaat ini, bergantung pada budi bicara mahkamah.

Akram kemudian mengesahkan ada perbincangan dibuat mengenai perkara itu dan pendakwaan tiada bantahan jika ia dibenarkan mahkamah.

Hakim kemudian menetapkan jaminan seperti dipersetujui kedua-dua belah pihak beserta syarat dokumen perjalanan dan menetapkan 4 Jun ini bagi tarikh sebutan serahan dokumen.



BERITAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Pendakwah bebas disyaki seleweng dana NGO RM12.3j

Kuala Lumpur: Seorang pendakwah bebas yang turut terkenal sebagai pemengaruh agama di media sosial, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng dana sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berjumlah RM12.3 juta.

Individu berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

BH difahamkan, perbuatan itu disyaki dilakukan di tempat kerjanya di antara September 2022 hingga kini.

Individu berkenaan dipercayai menyalahgunakan jawatannya dan bersubahat bersama dua ahli jawatankuasa lain dengan memindahkan wang berjumlah kira-kira RM12.3 juta ke dalam akaun bank miliknya serta lapar lagi akaun syarikat yang juga miliknya.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail, mengesahkan penahanan lelaki terbabit yang kini kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, susulan penahanan itu, BH difahamkan SPRM Negeri Sembilan sudah membekukan 15 akaun terdiri daripada tiga akaun bank per-



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

sendirian, tiga akaun bank NGO dan sembilan akaun bank syarikat dengan nilai berjumlah kira-kira RM16.5 juta.

Selain itu, turut disita ialah wang tunai berjumlah RM6,576; mata wang asing Riyal 95,568; Dolar Singapura (SGD) 795; tiga unit jam tangan bernilai kira-kira RM5,000; tiga unit beg tangan berjumlah kira-kira RM3,000; lima unit gelang tangan berju-

mlah kira-kira RM25,000; sebatuk cincin berjumlah kira-kira RM2,000; satu unit rantai berjumlah kira-kira RM7,000; serta 51 keping emas seberat 1 gram berjumlah kira-kira RM31,000.

Perintah reman lima hari sehingga 26 April 2026 terhadap suspek dikeluarkan Majistret Sara Afifah Zulkifli selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Seremban.



BERITAHARIAN 23.04.2026 (KHAMIS)

Kes rasuah RM3 juta

Semakan ketepi hukuman Isa Samad didengar 13 Mei

Kuala Lumpur: Permohonan bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, untuk menyemak keputusan Mahkamah Persekutuan bagi mengetepi sabitan dan hukuman penjara enam tahun serta denda RM15.45 juta terhadapnya akan didengar 13 Mei ini.

Sabitkan dan hukuman itu berhubung sembilan tuduhan rasuah berjumlah RM3 juta berkaitan pembelian Merdeka Palace Hotel Suites di Kuching, Sarawak, 12 tahun lalu.

Panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Datuk Nordin Hassan, pada 10 Februari lalu sebulat suara mengembalikan sabitan dan hukuman terhadap Mohd Isa, 77, selepas membenarkan rayuan pendakwaan terhadap pembebasannya oleh Mahkamah Rayuan pada 6 Mac 2024.

Timbalan Pendakwa Raya Afzainizam Abdul Aziz dan peguam Datuk Abu Bakar Isa Ramat mengesahkan tarikh pendengaran semakan berkenaan yang akan didengar Mahkamah Persekutuan, ketika dihubungi media semalam.

Mohd Isa yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan kini menjalani hukuman penjara di Sungai Buloh, memfailkan permohonan semakan terbabit pada 4 Mac lalu mengikut Peraturan 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.

Panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan dalam keputusan Februari lalu, mendapati sabitan yang diputuskan hakim bicara (Mahkamah Tinggi) adalah betul dan selamat serta penemuan oleh mahkamah itu disokong oleh bukti berdasarkan peruntukan undang-undang.

Panel diketuai Datuk Nordin Hassan, mendapati dapatan hakim bicara adalah betul dan disokong keterangan.

Mahkamah itu berkata, responden (Mohd Isa) gagal menangkis anggapan mengikut Seksyen 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), maka elemen pertuduhan berhubung pembelian hotel sudah dibuktikan mengikut Seksyen 16(a)(A) melampaui keraguan munasabah.

Menurut panel itu, Mahkamah Rayuan tersalah guna prinsip dan gagal menilai fakta relevan dalam kes itu, justeru campurtangan mahkamah adalah wajar dan dengan itu rayuan pendakwaan dibenarkan dan pembebasan responden diketepi.

Mahkamah Tinggi pada 3 Februari 2021 mendapati Mohd Isa bersalah atas sembilan pertuduhan rasuah membabitkan RM3.09 juta serta menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan denda RM15.45 juta, dengan tambahan 18 tahun penjara jika gagal membayar denda.



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menahan seorang lagi suspek yang juga penjawat awam kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan tuntutan kerja-kerja pembersi-

han berjumlah kira-kira RM500,000.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 40-an ditahan jam 3.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM

Kota Kinabalu, Sabah.

"Siasatan awal mendapati suspek yang juga pengarah syarikat sebuah syarikat kontraktor disyaki bersubahat dengan seorang suspek lelaki iaitu

pengarah syarikat sebuah syarikat pembinaan yang sebelum ini ditahan, Isnin lalu.

"Suspek ditahan berkaitan kes yang sama iaitu mengemukakan dokumen me-

ngandungi butir matan palsu bagi mendapatkan kontrak kerja-kerja pembersihan di sebuah pejabat polis di negeri ini berjumlah RM500,000," katanya. Sementara itu, Pengarah

SPRM Sabah, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kes RM500k: Penjawat awam ditangkap SPRM



HARIANMETRO
23.04.2026 (KHAMIS)

KETUA PENGARAH JUPEM KENA DAKWA

Nafi dua tuduhan makan suap **RM130k**

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesiyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menggunakan kedudukan untuk suapan berjumlah lebih RM130,000, dua tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat Datuk Hazi Hassan, 57, selepas kedua-dua pertuduhan terbabit dibacakan di hadapan Hakim Susan Hussin.

Mengikut pertuduhan, beliau yang juga Pengurus Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) didakwa menggunakan kedudukan untuk suapan itu dan LJT berjumlah RM30,201.16 untuk diri sendiri dengan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Lembaga LJT.

Mesyuarat itu membincangkan mengenai penyertaannya dalam 14th Session of the United Nations Committee of Experts on Global Geospatial Information Management (UN-CCIM) di New York, Amerika Syarikat pada 4 hingga 9 Ogos 2024.

Kesalahan dilakukan di Bilik Mesyuarat Lembaga di Wisma LJT, Pusat Bandar Melawati di sini, pada 3 Ogos 2024.

Bagi pertuduhan kedua, Hazi didakwa menggunakan kedudukannya untuk suapan dan LJT berjumlah RM105,914.00 dengan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Lembaga LJT di sebuah hotel di ibu kota, pada 11 Disember 2024.

Mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai penyertaannya dalam

Mesyuarat LJT dan JUPEM bersama Prof Dr Shaikh Mohamed Zaffar Sidiq Mohamed Ghouse dan 5th Plenary Meeting of the High Level Group of the Integrated Geospatial Information Framework and the Meeting of the Bureau and its Expanded Bureau of the Committee of Experts di Madinah, serta Jeddah, Arab Saudi pada 29 Januari hingga 4 Februari 2025.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 23(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, jika sabit kesalahan penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Datuk Ahmad Akram Ghazib yang mengendalikannya menawarkan jaminan RM70,000 dengan syarat tambahan passport diserahkan ke mahkamah sehingga kes selesai.

"Sungguhpun kes adalah kesalahan tidak boleh dijamin namun ia terletak pada budi bicara mahkamah untuk melepaskan tertuduh dengan jaminan. Pihak kami sudah berbincang dengan pihak pembelaan dan kami setuju untuk tidak ada apa-apa tuntutan sekiranya mahkamah ingin menggunakan budi bicara untuk melepaskan tertuduh dengan jaminan.

"Kedua-dua pihak bersetuju untuk ditetapkan jaminan RM70,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan dokumen perjalanan diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Sementara itu, peguam Muhammad Amin Othman yang mewa-

kili tertuduh mengesahkan persetujuan yang dibuat bersama pihak pendakwaan itu, dan memohon budi bicara mahkamah bagi menaburkan wang jaminan dibayar berperingkat.

"Terdapat persetujuan lanjut untuk jumlah jaminan jika ditinkan oleh mahkamah, dipecahkan pembayarannya RM50,000 pada hari ini (semalam) dan RM20,000 pada Jumaat ini," katanya dalam prosiding yang turut dihadiri rakan peguam Amirah Batriyya Adam Khan.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh mengikut jumlah yang dipersetujui kedua-dua pihak beserta syarat tambahan.

Mahkamah turut membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk bayaran jaminan dibuat dua kali dan menetapkan sebutan kes pada 4 Jun depan.



HAZRI
di Mahkamah Sesiyen Kuala Lumpur, semalam.



BERITAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

Selewang dana RM230 juta

Dua pengurusan kanan IKRAM direman 4 hari

Dana sepatutnya digunakan untuk kegiatan dakwah, pembangunan syiar Islam

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Dua pengurusan kanan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) direman empat hari hingga Sabtu ini bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana kira-kira RM230 juta.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki yang masing-masing berumur 57 dan 61 tahun itu dikeluarkan Majistret Ameera Mastura Khamis selepas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Siasatan awal mendapati mereka disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu di antara 2018 hingga 2024 dan timbalan pengurusan NGO terbabit memindahkan RM230 juta ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan peribadi.

Siasatan SPRM kini menjurus kepada elemen penyelewengan dana awam memandangkan NGO itu pertubuhan yang menerima sumbangan orang ramai bagi tujuan membantu golongan memerlukan.

Sementara itu SPRM mengesahkan penyelewengan dana



Dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

IKRAM tidak membabitkan sepenuhnya sumber dana daripada agensi zakat.

Sebaliknya, dana disyaki diseleweng itu daripada sumbangan pelbagai pihak dan sumber kepada pertubuhan berkenaan.

Sebahagian daripada sumbangan yang disyaki diseleweng itu juga termasuk kutipan tertentu yang sepatutnya disalurkan kepada badan zakat sebuah negeri.

Sumber dari pelbagai dana

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan dan menjelaskan penyelewengan NGO itu membabitkan pelbagai dana yang disalurkan daripada sumber seperti wang ahli dan sumbangan pusat.

"Berdasarkan hasil siasatan terkini, NGO itu (dipercayai) menerima dana sumbangan pelbagai sumber, termasuk komisen diperolehi daripada kutipan tertentu untuk diserahkan kepada badan zakat.

"Bagaimanapun, dana ini (disyaki) tidak sampai ke tujuan yang sepatutnya, sebaliknya ada dalam kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab menyeleweng dana ini untuk kepentingan peribadi, termasuk membeli aset-aset mewah.

"Perbuatan itu salah di sisi undang-undang dan siasatan dijalankan oleh SPRM," katanya di sini, semalam.

Sementara itu satu sumber berkata, dana yang diseleweng itu seharusnya digunakan untuk tujuan

kerja amal, dakwah dan pembangunan syiar Islam di negara ini, sebaliknya dilaburkan ke dalam sebuah syarikat komersial yang ditubuhkan bagi tujuan pelaburan.

Bagaimanapun, katanya, kegiatan dakwah dan pembangunan syiar Islam yang sepatutnya menjadi keutamaan dalam penggunaan dana itu tidak dilaksanakan kerana ia dimasukkan ke dalam syarikat pelaburan.

"NGO ini satu penerima zakat yang berada dalam kategori 'asnaf' dan mereka seharusnya menggunakan dana itu untuk kerja amal, dakwah dan pembangunan syiar Islam di negara ini. Tetapi ia tidak berlaku, sebaliknya dana itu dilaburkan ke sebuah syarikat komersial yang ditubuhkan," katanya.



BERTAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

NGO jamin beri kerjasama penuh

Kuala Lumpur: Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) memberi jaminan akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa susulan penahanan tiga individu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang disyaki terbabit dalam siasatan berkaitan pengu-rusan dana zakat.

Presidennya, Badlishah Sham Baharin, berkata pihaknya memandang serius perkara berkenaan dan individu terbabit di-rehatkan serta-merta daripada semua jawatan dan tanggungja-wab bagi memastikan kelan-ca-ran serta ketelusan proses sia-satan.

Beliau berkata, langkah itu diambil tanpa prejudis kepada mana-mana pihak, sambil menegaskan aspek integriti serta amanah sentia-sa menjadi teras utama dalam setiap gerak kerja pertubuhan itu.

"IKRAM menghormati sepenuhnya proses siasatan sedang dijalankan SPRM dan tidak akan membuat sebarang ulasan lanjut berhubung perkara ini.

"Segala keputusan dan penje-



Badlishah Sham

lasan tertakluk hasil siasatan pihak berkuasa," katanya melalui kenyataan semalam.

Badlishah berkata, pihaknya komited untuk terus menilai dan memperkukuh amalan tadbir urus organisasi agar telus, berintegriti serta selaras tuntutan syarak dan prinsip kedaulatan undang-undang.

"Semakan dalaman sedang dan akan diteruskan bagi memastikan penilaian yang menyeluruh," katanya sambil menjelas-

kan isu berkenaan membabitkan tindakan individu dan bukannya organisasi secara langsung.

IKRAM ialah NGO Islam di Malaysia yang ditubuhkan pada 2009, sebagai kesinambungan gerakan dakwah Islam yang berkembang sejak 1980-an.

Penubuhannya bertujuan menyelaraskan usaha dakwah serta pembangunan masyarakat di bawah satu organisasi yang lebih tersusun dan terbuka.

IKRAM memberi tumpuan kepada pembinaan individu, keluarga dan masyarakat berteraskan nilai Islam, meliputi bidang pendidikan, kebajikan serta advokasi sosial.



BERITAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

'Salah laku babit urusan dalaman NGO, bukan MAIPs'

Kangar: Penyelewengan dana RM230 juta yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ialah tadbir urus dalaman pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tanpa membabitkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, berkata MAIPs mengagihkan dana terbabit mengikut prosedur yang sah selepas pembayar zakat mencairkan NGO itu sebagai penerima di bawah kategori asnaf fi-sabilillah.

Katanya, pihak majlis turut melakukan pengauditan setiap tahun terhadap NGO terbabit dan rekodnya didapati bersih selama belasan tahun sebelum ini.

"Apabila dana diserahkan kepada pihak yang layak, ia menjadi milik mereka. Ibarat kita beri zakat kepada orang miskin tetapi dia pergi beli rokok. Adakah itu menyebabkan kita (pemberi zakat) boleh dituduh menyalahgunakan zakat?"

"Zakat ini bukan di bawah pejabat Mufti. Pejabat Mufti hanya ada kuasa fatwa, manakala urusan pengagihan wang zakat di bawah bidang kuasa MAIPs sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi audio siar bagi mengulas laporan penahanan seorang timbalan pengerusi NGO dan dua pengarah syarikat oleh SPRM berhubung dakwaan menyeleweng dana bernilai RM230 juta di antara 2018 hingga 2024.

Mengulas isu komisen yang didakwa diambil oleh pihak penguurusan NGO terbabit, Mohd Asri berkata, upah boleh diberikan atas kerja pentadbiran atau usaha pengurusan yang dilakukan.

"NGO itu mempunyai rangkaian yang besar dan menggalakkan pembayar zakat ke Perlis. Apabila mereka mendapat dana yang dicadangkan oleh pembayar, mereka agihkan kepada sekolah dan aktiviti dakwah.

"Jika sebahagian wang itu diberikan sebagai upah kepada kumpulan yang bersusah payah membantu menguruskan hal ini, pada pandangan saya, mereka layak menerima upah atas kerja yang dilakukan," katanya.

Beliau menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dakwaan wang zakat itu dipindahkan ke akaun syarikat bagi tujuan pelaburan dan kegunaan peribadi.

"Saya sendiri sudah memanggil pihak yang ditahan ini secara peribadi sebelum ini untuk bertanya apa yang berlaku. Mereka mendakwa wang itu digunakan untuk membina sebuah hospital Islam," katanya.



BERITAHARIAN
23.04.2026 (KHAMIS)

SPRM geledah 14 lokasi, beku 133 akaun RM160j

Ops Celio banteras
pengisytiharan
butiran palsu
barangan import
di beberapa negeri

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah 14 lokasi dan membekukan 133 akaun persendirian serta syarikat bernilai kira-kira RM160 juta dalam operasi membanteras pengisytiharan butiran palsu berkaitan kuantiti dan jenis barangan import di beberapa negeri, kelmarin.

Ops Celio itu dijalankan bersama Pasukan Petugas Khas Agensi-Agensi Penguatkuasaan Malaysia (MATP) terhadap syarikat dan individu, terdiri daripada pengimport, ejen penghantaran dan orang tengah yang menyebabkan kerajaan kerugian hasil duti kastam mencecah kira-kira RM1.5 bilion dalam tempoh lima tahun.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, berkata sindiket turut dipercayai memberi rasuah kepada penguat kuasa bagi melindungi aktiviti haram itu, selain terbabit dalam pengubahan wang haram bernilai jutaan ringgit.

Beliau berkata, operasi ketika ini dijalankan mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA 2001).



SPRM menahan reman pemilik syarikat disyaki terbabit sindiket isytihar palsu barang import kepada JKDM di Pelabuhan Klang. (Foto ihsan SPRM)

“Pengeledahan dijalankan di 14 lokasi membabitkan premis syarikat dan kediaman suspek sekitar Lembah Klang.

“Operasi itu menyasar 28 entiti terdiri daripada syarikat dan individu membabitkan pengim-

port, ejen penghantaran dan orang tengah yang disyaki membuat pengisytiharan butiran palsu berkaitan kuantiti dan jenis barangan import yang dibawa masuk ke Malaysia kepada Kastam untuk mengelak dan pengurangan duti import,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Zamri berkata, Ops Celio diteruskan semalam dengan 14 lagi premis sasaran terdiri daripada kediaman serta syarikat dan juga ejen penghantaran.

“Selain Lembah Klang, kita akan sasarkan juga di Pulau Pinang dan Kelantan,” katanya.

Pemilik syarikat divuman
Sementara itu, BH difahamkan SPRM turut menahan reman seorang pemilik syarikat kerana disyaki terbabit dalam sindiket isytihar palsu barang import kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Pelabuhan Klang.

Suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin, dalam satu operasi kerana disyaki bers kongkol dengan jenayah itu sejak enam tahun lalu dengan menjadi *runner* kepada individu, syarikat dan ejen penghantaran yang menguruskan kemasukan barangan import di Pelabuhan Klang.

Malah, difahamkan suspek juga dipercayai menjadi ahli sindiket yang terbabit dalam aktiviti penyeludupan barangan kontraband daripada pelbagai negara pengeksport dengan menggunakan modus operandi *Trade Based Money Laundering*.



BERITAHARIAN 24.04.2026 (JUMAAT)



Sebahagian aset yang disita SPRM dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM18.3 juta.

(Foto: Ihsan SPRM)

Kes seleweng dana RM230 juta

SENARAI ASET YANG DIRAMPAS SPRM KELMARIN

WANG TUNAI - Jumlah: RM346,679.45	
• Duit tunai	RM36,700
• Duit tunai (AS\$700)	RM2,767.45
• Wang tunai	RM10,000
• Wang tunai	RM24,271
BARANG RHA'S - Jumlah: RM523,497	
• 6 kasing emas	RM571,000
• 12 gelang tangan	RM235,671
• 5 rantai leher	RM40,845
• 9 cincin 35.66g	RM22,339
• 1 laket emas 4.20g	RM2,547
• 1 gelang tangan 33.87g	RM10,900
• 1 rantai leher 43.89g	RM15,760
• 1 gelang tangan 6.53g	RM3,981
• 1 rantai leher 30.85g	RM18,700
• 10 cincin 54.52g	RM35,074
• 5 nentangan 146.51g	RM68,060
JAM TANGAN - Jumlah: RM371,000	
• 1 x Tag Heuer	RM1,000
• 1 x Rolex	RM50,000
• 3 x Cartier 5	RM20,000
• 7 x Rolex	RM190,000
KENDERAAN - Jumlah: RM7,364,208.00	
• Mercedes-Benz S560E	RM580,122.75
• Range Rover	RM1,250,000
• Porsche 911 Turbo S	RM658,000
• Lexus RX350H F Sport	RM508,888
• Lexus RX350 Luxury	RM468,888
• SM Sport 100	RM13,000
• Lexus RX350	RM230,000
• Mercedes-Benz S560E	RM558,888
• Honda Civic Type R	RM399,900
• Porsche Macan Turbo Electric	RM635,000
• Porsche Macan	RM430,000
• Honda HR-V 1.8T V	RM130,900
• Toyota GR Yaris RZ	RM315,600
• Honda CR-V 2.0 e-HEV RS	RM178,200
• Toyota Alphard	RM299,940
• Lexus RX350	RM392,639.30
• Proton X50	RM115,600
• Toyota Vellfire	RM160,800
BEO TANGAN & BARANG LAIN - Jumlah: RM20,740.00	
• 2 x Coklat	RM6,550.00
• Ferragamo dan tali pinggang	RM14,190.00

Sumber: SPRM

shahzad191

Aset tak alih lebih RM18.3j disita

Sitaan babit 14 hartanah termasuk 7 kediaman, tiga unit ruang pejabat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita aset tak alih lebih RM18.3 juta bagi membantu siasatan penyelewengan dana RM230 juta membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sitaan membabitkan 14 hartanah, iaitu tujuh rumah kediaman, tiga unit ruang pejabat dan empat lot tanah di beberapa tempat.

Sumber berkata, pasukan SPRM Selangor melakukan sitaan itu dalam beberapa serbuan, semalam.

"Berdasarkan nilai pasaran semasa, nilai keseluruhan sita-

an dianggarkan RM18.3 juta," katanya.

Kelmarin, SPRM mengesahkan nilai keseluruhan rampasan aset melalui Op Sutra membabitkan tiga individu, termasuk timbalan pengerusi sebuah NGO yang menyeleweng dana sumbangan mencecah RM8.73 juta.

18 kenderaan disita

Sebanyak 18 kenderaan membabitkan lapan jenama disita SPRM dengan paling mahal membabitkan Range Rover bernilai RM1.2 juta.

Bagi 17 lagi membabitkan dua Mercedes-Benz, masing-masing tiga jenama Porsche, Honda dan Toyota, empat jenama Lexus serta masing-masing satu PROTON dan SM Sports.

Nilai keseluruhan kenderaan disita berjumlah RM7.36 juta.

Kelmarin, dua pengurusan kanan Pertubuhan IKRAM Malaysia direman empat hari hingga esok bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana kira-kira RM230 juta.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki yang masing-masing berumur 57 dan 61 tahun

itu dikeluarkan Majistret Amee-ra Mastura Khamis.

Siasatan awal mendapati mereka disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu di antara 2018 hingga 2024 dan timbalan pengerusi NGO terbabit memin-dahkan RM230 juta ke dalam akaun syarikatnya bagi tujuan pelaburan dan peribadi.

Siasatan SPRM kini menjurus kepada elemen penyelewengan dana awam memandangkan NGO itu pertubuhan yang menerima sumbangan orang ramai bagi tujuan membantu golongan memerlukan.



BERITAHARIAN
24.04.2026 (JUMAAT)

SPRM teruskan Ops Celio di Pulau Pinang, Kelantan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneruskan Ops Celio bagi memburu sindiket isytihar palsu barang import di Pulau Pinang dan Kelantan, selepas menyerbu lebih 26 lokasi di Lembah Klang.

Operasi sejak Selasa lalu itu membabitkan premis syarikat dan kediaman suspek sekitar Lembah Klang.

BH difahamkan, operasi di

Pulau Pinang dan Kelantan membabitkan premis pihak penerima barang dan disyaki membuat pengisytiharan butiran palsu berkaitan kuantiti serta jenis barangan import yang dibawa masuk ke Malaysia kepada pihak kastam untuk mengelak atau mengurangkan duti import.

Sumber berkata, siasatan turut mengenal pasti beberapa pegawai penguat kuasa disyaki terbabit dalam aktiviti rasuah

melepaskan kontena bermasalah.

"SPRM sudah merakam keterangan lima individu susulan siasatan terkini isu sindiket isytihar palsu barang import.

"Mereka membabitkan pengimport, ejen penghantaran dan orang tengah disyaki membuat pengisytiharan butiran palsu.

"SPRM juga akan mengambil keterangan individu daripada *consignee* dan ejen penghantaran bagi membantu siasatan," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Katanya, sebanyak 133 akaun individu dan syarikat dibekukan, berjumlah kira-kira RM185 juta.

Kelmarin, *BH* melaporkan SPRM mengeledah 14 lokasi di

sekitar Lembah Klang melalui Ops Celio, menyasarkan syarikat dan individu terbabit dalam pengisytiharan butiran palsu berkaitan barangan import di beberapa negeri.

Hasil operasi bersama Pasukan Petugas Khas Agensi-Agensi Penguatkuasaan Malaysia (MATF) itu, sejumlah 133 akaun persendirian serta syarikat dibekukan membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM160 juta.



HARIANMETRO
24.04.2026 (JUMAAT)

lokal



DUA individu termasuk seorang timbalan pengerusi sebuah badan bukan kerajaan (NGO) ditahan reman selama empat hari sehingga 25 April bagi membantu siasatan berhubung kes menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.

Beri ruang SPRM buat siasatan terperinci: Menteri

Kota Bharu: Kerajaan menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan berhubung kes penyelewengan dana zakat membabitkan badan bukan kerajaan (NGO) berjumlah RM230 juta.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Marhamah Rosli turut me-

minta masyarakat tidak membuat sebarang spekulasi.

"Pihak berkuasa perlu diberikan ruang sepenuhnya untuk menjalankan siasatan terperinci tanpa sebarang gangguan atau campur tangan luar.

"Biar pihak berkuasa siasat dan buat kerja. Jangan kita buat spekulasi dan menjadi ejen perpecahan

atau pergaduhan sehingga mengakibatkan perkara negatif itu tersebar.

"Masyarakat perlu tenang dahulu," katanya pada sidang media ketika merasmikan Little Hajj by Little Caliphs di Masjid Muhammadi di sini, semalam.

Kelmarin media melaporkan, seorang timbalan pengerusi sebuah badan

bukan kerajaan (NGO) bersama seorang pengarah syarikat ditahan reman selama empat hari bermula sehingga 27 April bagi membantu siasatan berhubung kes menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.

Pada Selasa lalu, SPRM Selangor menahan tiga individu termasuk seorang timbalan pengerusi sebuah

NGO kerana disyaki menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.

Menurut sumber, dua lelaki berusia lingkungan 50 dan 60-an ditahan dalam operasi di sekitar Lembah Klang, manakala seorang lagi berusia 50-an ditahan pada 2 petang ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

Hanya 30% untuk kos pengurusan

Kuala Lumpur: Hanya sekitar 30 peratus daripada kutipan sumbangan atau derma boleh digunakan untuk kos pengurusan dan pembayaran utiliti.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Datuk Mohd Zulfikar Ahmad berkata, perkara itu digariskan di bawah kod tadbir urus yang dikeluarkan jabatan itu.

Katanya, bagaimana pun mana-mana pihak yang mengambil jumlah berkenaan namun untuk tujuan lain dan penyelewengan maka, tindakan boleh diambil.

"Dalam garis panduan kod tadbir urus, 30 peratus boleh digunakan untuk tanggung seperti utiliti atau gaji pekerja.

"Walaupun itu hanya garis panduan, ia masih perlu diikuti. Kalau menyeleweng boleh diambil tindakan," katanya.

Sebelum ini media melaporkan seorang timbalan pengerusi sebuah NGO antara tiga ditahan SPRM kerana disyaki menyeleweng dana zakat berjumlah kira-kira RM230 juta.



SINARHARIAN

24.04.2026 (JUMAAT)

Dua peguam direman kes dokumen palsu

SPRM siasat salah guna dana amanah untuk pelaburan dan peribadi

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA - Dua peguam direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan dana pemegang amanah kira-kira RM8 juta.

Perintah reman terhadap kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan kira-kira jam 9.45 malam Rabu ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu bagi tujuan pengeluaran dana pemegang amanah untuk sebuah projek pembangunan hartanah di Ibu negara.



Perintah reman terhadap kedua-dua suspek lelaki itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

"Perbuatan itu dipercayai dilakukan antara tahun 2023 hingga 2025," katanya.

Sumber berkata, wang berjumlah kira-kira RM8 juta yang merupakan dana amanah itu sepatutnya digunakan bagi tujuan penyelenggaraan sebuah bangunan.

"Bagaimanapun, wang berkenaan dipercayai masih belum diserahkan ke-

pada pihak pemaju dan disyaki digunakan bagi kepentingan peribadi serta pelaburan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Mohd Hafaz Nazar ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



SINARHARIAN

24.04.2026 (JUMAAT)

SPRM sita aset RM4 juta milik pendakwah bebas

SEREMBAN - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyita pelbagai aset berjumlah kira-kira RM4 juta yang dipercayai milik seorang pendakwah bebas yang juga popular di TikTok, susulan siasatan melibatkan penyelewengan dana sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) miliknya.

Menurut sumber, sitaan yang dilakukan pada Jumaat termasuk pelbagai mata wang asing dan tempatan melibatkan wang tunai berjumlah Riyal 7,325; RM152,155 serta SGD27,134.

"Pada Khamis SPRM Negeri Sembilan telah melakukan sitaan terbaharu dan selain pertambahan sitaan bagi mata wang asing dan tempatan, kami turut menyita pelbagai perhiasan emas bernilai kira-kira RM2 juta.

"Sehubungan itu, nilai sitaan pada Rabu dan Khamis berjumlah kira-kira RM4 juta," katanya.

Menurut sumber, siasatan awal juga mendapati dua ahli jawatankuasa yang disyaki bersubahat dengan pendakwah bebas tersebut ialah isterinya yang juga bendahari NGO berkenaan dan seorang lagi merupakan setiausaha.

Tambah sumber, siasatan turut mendapati wang yang dipercayai dipindahkan ke akaun bank milik pendakwah bebas itu serta ke lapan akaun bank syarikat yang juga milik individu terlibat dilakukan tanpa pengetahuan ahli jawatankuasa lain.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.



SINARHARIAN
24.04.2026 (JUMAAT)

Polis jalankan siasatan selari, tak lindung pegawai - Ayob Khan

GEORGETOWN - Polis sedang menjalankan siasatan selari, iaitu siasatan jenayah dan siasatan tatatertib secara serentak berhubung insiden tular membabitkan seorang anggota polis yang didakwa memijak kepala seorang lelaki ketika tangkapan di Kulim, Kedah baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya akan mendedahkan hasil siasatan selepas siasatan selesai dijalankan di bawah Seksyen 323 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan serta siasatan dalaman berkaitan tindakan tatatertib.

"Kedua-dua siasatan ini sedang berjalan. Jadi, beri ruang kepada pihak polis untuk menyiapkan siasatan dan hasil serta tindakan lanjut akan diumumkan," katanya selepas menghadiri Forum Perdana Pertubuhan Kesedaran Jenayah dan Keselamatan Awam Pulau Pinang, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan melindungi mana-mana pegawai atau anggota yang terlibat dalam salah laku.


Ayob Khan berkata, prosedur operasi standard (SOP) bagi tangkapan sememangnya telah ditetapkan dan membenarkan penggunaan kekerasan dalam keadaan tertentu.

Sebelum ini, PDRM mengesahkan video tular yang memaparkan kejadian tangkapan membabitkan seorang lelaki di hadapan sebuah kedai aksesori motosikal di Jalan Tunku Putra, Kulim yang berlaku ketika operasi rondaan cegah jenayah. - *Bernama*



HARIANMETRO
25.04.2026 (SABTU)

laporan khas



JUTAWAN DUIT DERMA

Ada NGO dikesan manipulasi simpati orang ramai
demi puaskan nafsu, kepentingan peribadi

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi dan Muhammad
Saufi Hassan
am@mediasprima.com.my

Kuala Lumpur

Menaja kisah sedih nasib rakyat Palestin dan mangsa peperangan lain dengan menayang video kesan kemusnahan yang berlaku untuk membuat

kutipan dana awam.

Dengan meraih simpati itu menyebabkan masyarakat kemudiannya menyalurkan sumbangan kepada NGO terbabit dengan beranggapan wang itu simpati kepada pihak di sana namun sebaliknya ada NGO yang

mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri tambahan tiada audit dikemukakan.

Malah ada juga pengu-rusan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengemakan tuntutan program seperti membelak makanan dan sebagainya sedangkan ia tidak wujud sebagai modus operandi untuk meng-gelap wang sumbangan orang ramai.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azem Baki berkata, SPRM menilai sesuatu kes semipama ini berdasarkan penyelidikan menyeluruh

terhadap aliran wang, rekod kewangan, dokumen transaksi serta keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan organisasi.

Menurutnya, siasatan biasanya akan meneliti sama ada wujud unsur kesalahan seperti salah guna kuasa, tuntutan palsu atau pengubahan wang haram.

"Dalam beberapa kes yang pernah dilaporkan sebelum ini, siasatan mendapati terdapat modus operandi tertentu yang di-gunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk menyalahgunakan dana NGO.

"Antara modus operandi yang dikenal pasti termasuk pemindahan dana sumbangan awam ke akaun peribadi atau akaun syarikat yang mempunyai kaitan

dengan pengurusan NGO, mengemukakan tuntutan program yang tidak pernah dilaksanakan serta penggunaan dana sumbangan bagi membeli aset peribadi seperti hartanah, kenderaan atau pelaburan lain," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Azam berkata, sebagai contoh, dalam satu kes di-bongkar oleh SPRM, dana sumbangan awam yang mencecah kira-kira RM26 juta dipercayai dipindahkan ke akaun peribadi dan digunakan untuk membeli aset seperti rumah, tanah serta mata wang kripto.

"Dalam keadaan tertentu, terdapat juga kes di mana dana NGO dialihkan kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dengan individu dalam pe-

ngurusan organisasi itu. "Perkara ini boleh menimbulkan konflik kepentingan serta berpotensi melibatkan kesalahan di bawah undang-undang berkaitan rasuah dan pecah amanah," katanya.

Beliau berkata, selain itu terdapat juga kes membatalkan tuntutan palsu program kebajikan yang sebenarnya tidak dilaksanakan walaupun dana diperuntukkan.

"Sehubungan itu, SPRM akan menjalankan siasatan secara menyeluruh termasuk meneliti transaksi kewangan, dokumen perakaunan serta mendapatkan keterangan saksi bagi memastikan sama ada berlaku sebarang unsur penyelewengan atau penyalahgunaan dana," katanya.

SELEWENG DANA: FAKTA SETAKAT INI

1 **Seleweng dana zakat RM230 juta - timbalan pengerusi NGO diarah**

• SPRM Selangor menahan tiga individu termasuk timbalan pengerusi NGO.

• Didyaki menyelaweng dana zakat sekitar RM230 juta.

• Wang dipindahkan ke akaun syarikat untuk pelaburan dan kegunaan peribadi.

• SPRM turut bekukan 33 akaun (RM120 juta) dan sita aset mewah termasuk kenderaan serta hartanah.

2 **Pendakwah bebas seleweng dana NGO RM12.3 juta**

• Seorang pendakwah yang juga pengerusi NGO diarah SPRM Negeri Sembilan.

• Didyaki salah guna dana kira-kira RM12.3 juta.

• Wang dipindahkan ke akaun peribadi dan beberapa syarikat miliknya.

• SPRM membekukan 15 akaun bernilai RM16.5 juta.

3 **Kes beberapa NGO dikesan seleweng jutaan ringgit dana awam**

• Sekurang-kurangnya tiga NGO terkenal berada dalam radar SPRM.

• Didyaki menyelaweng jutaan ringgit dana kutipan awam.



• Fokus siasatan termasuk aliran wang dan penggunaan dana tidak telus.

• Menunjukkan kes bukan terpendul tetapi melibatkan lebih daripada satu organisasi.

4 **Setiausaha NGO mial kemusnahan seleweng RM4.2 juta**

• SPRM tahan setiausaha NGO berkait misi kemanusiaan.

• Didyaki seleweng kira-kira RM4.2 juta dana sumbangan awam.

• Wang dipindahkan ke akaun syarikat yang ada kaitan dengan pengurusan NGO.

• Aktiviti berlaku antara 2022 hingga 2024 dan suspek direman untuk siasatan.

5 **SPRM bongkar penyelewengan dana RM26 juta NGO "bertopeng kemanusiaan"**

• SPRM bongkar penyelewengan dana kira-kira RM26 juta.

• Membatalkan lera suspek termasuk pengerusi dan pegawai kewangan NGO.

• Modus operandi pindah wang ke akaun peribadi, beli aset mewah & pelaburan kripto.

• SPRM sita aset dan bekukan akaun dalam operasi besar (Op Serantau).

“
Perkara ini boleh
menimbulkan
konflik
kepentingan
Azem



HARIANMETRO
25.04.2026 (SABTU)

NGO tidak boleh ambil 30% daripada jumlah derma

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan fahaman yang membolehkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil 30 peratus daripada jumlah derma awam adalah salah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, dari perspektif tadbir urus organisasi

NGO, garis panduan sering dirujuk ialah panduan tadbir urus oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) yang menyatakan bahawa kos pentadbiran yang baik lazimnya tidak melebihi 30 peratus daripada belanjawan tahunan pertubuhan.

Menurutnya, peratusan terbabit merujuk kepada

kos operasi atau *overhead* seperti gaji kakitangan, sewaan pejabat, utiliti, pengurusan program dan kos pentadbiran lain.

"Angka 30 peratus ini bukan bermaksud NGO atau pengasasnya boleh mengambil 30 peratus daripada jumlah kutipan sumbangan orang ramai sebagai komisen atau keuntungan peribadi.

"Contohnya, kos bayar gaji pekerja NGO, bayar sewa bangunan dan utiliti ialah RM30,000 sebulan, hanya RM9,000 sahaja boleh diambil untuk kos pentadbiran," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Azam berkata, tidak kira NGO itu dapat berpuluh-juta sekali pun sumbangan awam namun hanya

RM9,000 sahaja yang layak digunakan.

"Sebab syaratnya ialah 30 peratus dari Belanja Tahunan bukan dari keseluruhan kutipan.

"Peratusan itu hanyalah panduan bagi memastikan kos pentadbiran tidak terlalu tinggi berbanding perbelanjaan program sebenar.

"Fahaman yang membo-

lehkan NGO mengambil 30 peratus daripada jumlah derma awam adalah salah," katanya.

Menurut Azam, sekiranya penggunaan kos pengurusan itu tidak disertai ketelusan, laporan kewangan atau audit yang jelas, keadaan itu boleh menimbulkan risiko salah guna dana, konflik kepentingan atau pecah amanah.



BERITAHARIAN
25.04.2026 (SABTU)



Bekas pengarah syarikat telekomunikasi ditahan SPRM

Kuala Lumpur: Seorang bekas pengarah syarikat telekomunikasi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu untuk meluluskan pengeluaran pinjaman RM200 juta.

BH difahamkan, suspek lelaki berusia lingkungan 70-an itu ditahan pada jam 10.35 pagi semalam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Siasatan awal mendapati, butir matan palsu dikemukakan kepada sebuah institusi kewangan pembangunan sebagai dorongan memberi kelulusan pengeluaran pinjaman berjumlah kira-kira RM200 juta.

BH difahamkan, suspek lelaki berusia lingkungan 70-an itu ditahan pada jam 10.35 pagi semalam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Siasatan awal mendapati, butir matan palsu dikemukakan kepada sebuah institusi kewangan pembangunan sebagai dorongan memberi kelulusan pengeluaran pinjaman berjumlah kira-kira RM200 juta.

Suspek disyaki bersubahat bersama beberapa individu lain yang dituduh sebelum ini dan melakukan perbuatan berkena-an pada 2012.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Suspek akan dituduh Isnin depan di Mahkamah Kuala Lumpur," katanya.



HARIANMETRO
25.04.2026 (SABTU)

NGO SELEWENG DANA RM230 JUTA

SPRM JEJAK ALIRAN PINDAHAN WANG

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Nilai

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengenal pasti aliran pemin-dahan wang keluar masuk bagi melengkapkan siasatan berhubung penyelewengan dana berjumlah kira-kira RM230 juta membabitkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya sedang mendapatkan maklumat itu daripada institusi perbankan secepat mungkin namun adalah dijangka akan diperolehi dalam tempoh seminggu.

Katanya, pihaknya yakin melalui penyata berkenaan akan dapat membantu

agensi penguatkuasaan berkenaan dalam melengkapkan siasatan terbabit.

"Perlu diingatkan kes ini bukan setakat 2025 atau 2026 sahaja, tapi kita hendakkan sebelum dari itu iaitu 2024 dan ke bawah. Sehingga semalam (kelmarin), kami hendakkan laporan (penyata bank) 2018.

"Jadi, saya jangka ambil masa sedikit, tapi saya percaya pihak bank akan bagi dokumen-dokumen yang diperlukan," katanya selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara SPRM dengan Enforcement, Leadership and Management University (ELMU) di ELMU Bandar Enstek di sini, semalam.

SPRM diwakili Pemangku Pesuruhjaya, Datuk Mohd Hafaz Nazar manakala ELMU diwakili Ketua Pe-

gawai Kewangan, Datin Noraini Aripin. Hadir sama, Naib Canselor ELMU, Datuk Dr Kassim Mohamed.

Terdahulu media melaporkan SPRM menyita aset tak alih bernilai lebih RM18.3 juta bagi membantu siasatan berkaitan kes penyelewengan dana RM230 juta membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Difahamkan sitaan berkenaan membabitkan 14 hartanah yang terdiri daripada tujuh unit rumah kediaman, tiga unit ruang pejabat dan empat lot tanah di beberapa lokasi.

SPRM juga mengesahkan nilai keseluruhan rampasan aset melalui Op Sutra membabitkan tiga individu, termasuk timbalan pengerusi sebuah NGO yang menyeleweng dana sumbangan setakat ini

mencecah RM8.73 juta.

Mengulas lanjut, Azam berkata, setakat semalam siasatan yang dijalankan menunjukkan wang dana berkenaan disalahgunakan untuk tujuan peribadi, membeli aset-aset peribadi dan sebagainya.

"Kami sedang mendapatkan lebih banyak maklumat dan keterangan, pengesahan penyata daripada pihak bank, berapa banyak wang yang telah masuk dalam akaun peribadi mana-mana pihak.

"Mana-mana pihak yang terlibat dan menerima wang berkenaan termasuk ahli keluarga, akan dipanggil untuk dapatkan penyelesaian sama ada mereka tahu ataupun tidak, jadi saya jangka apabila kita dapat penyata dari bank berkenaan nanti, kemungkinan ramai lagi akan dipanggil," katanya.

SPRM cari isteri pendakwah bebas

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan isteri kepada pendakwah bebas yang juga mempengaruhi agama terkenal turut bersubahat dalam penyelewengan berjumlah kira-kira RM12.3 juta.

Media dimaklumkan, isteri mempengaruhi terbabit adalah bendahari badan bukan kerajaan (NGO) yang dikaitkan dengan kes berkenaan.

Sumber berkata, dalam siasatan awal juga mendapati ahli jawatankuasa yang disyaki bersubahat dengan pendakwah bebas adalah isterinya dan seorang lagi adalah setiausaha.

"Siasatan turut mendapati duit yang dipercayai dipindahkan ke akaun bank milik pendakwah bebas itu dan juga ke lapan akaun bank syarikat yang juga milik individu itu dilakukan tanpa pengetahuan ahli jawatankuasa lain," kata sumber di sini, semalam.

Mengulas lanjut, sumber berkata, SPRM Negeri Sembilan kelmarin menyita pelbagai aset berjumlah kira-kira RM4 juta dipercayai milik seorang pendakwah bebas itu.

Katanya, sitaan yang dilakukan hari ini termasuk membabitkan pelbagai mata wang asing dan tempatan yang berjumlah wang tunai riyal 7,325 selain RM152,155 serta SG\$27,134 (mata wang Singapura).

"SPRM Negeri Sembilan sudah melakukan sitaan terbaharu dan selain ada pertambahan sitaan untuk duit mata wang asing dan tempatan, kami turut menyita pelbagai perhiasan emas bernilai kira-kira RM2 juta.

"Sehubungan itu, nilai sitaan terbaharu kelmarin dan semalam berjumlah RM4 juta," katanya.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail mengesahkan perkara terbabit.



HARIANMETRO
25.04.2026 (SABTU)

Seorang lagi suspek direman dua hari

Kuantan: Seorang lagi suspek direman dua hari kerana disyaki bersubahat mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan tuntutan pembekalan peralatan pembedahan berjumlah kira-kira RM54,000.

Perintah reman sehingga semalam terhadap suspek dikeluarkan Majistret Siti Aisyah Ahmad selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Raub.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 40-an ditahan jam 10 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Cawangan Raub, Pahang.

"Siasatan awal mendapa-

ti suspek yang juga seorang penjawat awam di sebuah hospital di negeri ini disyaki bersubahat dengan seorang suspek lelaki iaitu pengurus jualan sebuah syarikat pembekal barangan kesihatan yang sebelum ini ditahan Selasa lalu.

"Suspek ditahan berkaitan kes sama iaitu mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan pembekalan peralatan pembedahan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) daerah Lipis," kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang, Mohd Shukor Mahmud ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



SINARHARIAN

26.04.2026 (AHAD)

Seleweng dana RM230 juta: 40 saksi dalam radar SPRM

KUALA PILAH - Seramai 40 saksi sudah dikenal pasti bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana berjumlah RM230 juta membabitkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Selangor.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, setakat ini seramai 11 individu sudah dirakam keterangan.

"Ada lebih kurang 40 saksi dalam radar kami untuk dipanggil bagi membantu siasatan.

"Mereka ini adalah sebuah NGO yang mendapat komisen dalam mengutip sumbangan orang ramai," katanya ketika Majlis Penyerahan Masjid Kariah Kampung Terentang, Padang Lebar, di sini, pada Sabtu.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Datuk Mohd Asri Abdullah.

Menurutnya, NGO terbabit mendapat 60 peratus daripada kutipan sumbangan mana-



Azam(kiri) menyerahkan dokumen penyerahan Masjid Kariah Kampung Terentang kepada Mohd Asri.

kala hanya 40 peratus diberikan kepada pihak yang memohon mereka membuat kutipan.

"Secara jelas pihak NGO menyalahgunakan wang ini untuk kegunaan diri sendiri dan kepentingan berkaitan keluarga mereka dan sebagainya.

"Jadi mana-mana harta dan wang sekiranya didapati dari sumber tidak sah, kami akan terus

bekukan untuk mengenal pasti adakah itu wang mereka atau wang diselindungi," katanya.

Berkenaan kes penyelewengan dana NGO berjumlah RM12.3 juta melibatkan seorang pendakwah bebas di Nilai, beliau berkata, pihaknya kemungkinan akan membuat permohonan sambung reman berikutan tempoh reman akan berakhir pada Ahad.



HARIANMETRO
26.04.2026 (AHAD)



SPRM beku beberapa akaun bank Padini dan anak syarikatnya yang berkaitan dengan siasatan yang sedang dijalankan.

SPRM beku akaun bank Padini

Kuala Lumpur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membebankan beberapa akaun bank Padini Holdings Bhd (Padini) dan anak syarikatnya yang berkaitan dengan siasatan yang sedang dijalankan.

Menurut peruncit pakaian itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari

ini, akaun terbabit dibekukan mengikut Seksyen 44(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001.

"Syarikat ini sedang membantu dalam siasatan yang dijalankan, dan akaun yang terjejas tidak digunakan secara aktif untuk ope-

rasi harian kumpulan itu," kata Padini.

Kumpulan itu juga mempunyai akses kepada kemudahan perbankan lain bagi menyokong operasi harian perniagaannya yang berterusan.

"Berdasarkan maklumat yang ada pada masa ini, lembaga pengarah berpendapat pembekuan akaun

terbabit dijangka tidak akan memberi impak kewangan dan operasi secara material kepada kumpulan itu," katanya.

Menurut Padini, syarikat itu mengambil langkah yang perlu untuk berhubung dengan pihak berkuasa berkaitan dan akan memberikan kerjasama penuh. - BERNAMA



BERITAHARIAN
26.04.2026 (AHAD)

Kes penyelewengan dana awam RM230 juta

Seorang dibebas dengan jaminan

Tempoh reman dua lagi suspek dijangka dilanjut untuk dapatkan dokumen, rakam keterangan saksi

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Kuala Pilah: Seorang daripada tiga suspek yang ditahan dan direman bermula 22 April lalu berhubung kes penyelewengan dana awam RM230 juta membatalkan badan bukan kerajaan (NGO), dibebaskan dengan jaminan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata tempoh reman dua lagi suspek yang tamat hari ini dijangka dilanjutkan.

"Kami akan memohon lanjutan reman kerana memerlukan

lebih masa untuk mendapatkan dokumen bank dan merakam keterangan saksi berkaitan," katanya kepada media pada Majlis Penyerahan Masjid Kariah Kampung Terentang Padang Lebar di Batu Kikir, dekat Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Azam berkata, siasatan kes berkenaan di Selangor yang membawa kepada penemuan aset dan dana dianggar bernilai RM230 juta itu, kini mencapai tahap 85 peratus.

"Aset berkenaan termasuk empat bidang tanah, tujuh rumah, tiga unit pejabat, 18 kenderaan dan barangan berharga lain.

"Kira-kira 40 saksi dikenal pasti untuk dipanggil membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, siasatan mendapati NGO itu menerima komisen daripada kutipan dengan mengekalkan 60 peratus, manakala 40 peratus disalurkan kepada negeri berkaitan.

Bagaimanapun, katanya, dana itu disalahgunakan untuk tujuan peribadi dan bagi kepentingan ahli keluarga," katanya.

Dalam kes berasingan di Negeri Sembilan, beliau berkata pihak berkuasa menyita lebih

RM18 juta dalam bentuk wang tunai dan akaun bank yang dikaitkan dengan sebuah lagi NGO yang disyaki menyalahgunakan sumbangan awam.

"Setakat ini, 15 saksi sudah diambil keterangan dan kami akan memanggil antara 14 hingga 15 individu untuk membantu siasatan," katanya.

Azam berkata, kedua-dua kes memerlukan masa kerana perlu mendapatkan dokumen perbankan, khususnya bagi rekod antara 2018 hingga 2022.

"Rekod lebih terkini dari 2023 hingga 2025 lebih mudah diperolehi, namun dokumen lama mengambil masa kerana bank memerlukan tempoh pemprosesan lebih panjang," katanya.

4 individu ditahan SPRM

Sementara di Kuala Lumpur, dua pengarah syarikat dan seorang akauntan antara empat individu ditahan SPRM malam kelmarin, selepas disyaki memalsukan pengisytiharan barang import dan merasuah pegawai penguat kuasa di Pelabuhan Klang.

Sumber berkata, suspek membabitkan dua lelaki dan dua wanita berusia dalam lingkungan



SPRM menahan dua pengarah syarikat dan akauntan selepas disyaki memalsukan pengisytiharan barang import dan merasuah pegawai penguat kuasa di Pelabuhan Klang.

(Foto ihsan SPRM)

30-an dan 40-an itu ditahan antara jam 8 malam hingga 9 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek membabitkan dua pengarah syarikat, seorang akauntan dan satu orang awam disyaki melakukan perbuatan itu sejak 2022.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan, manakala kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Semua suspek direman enam hari bermula semalam sehingga 30 April.



BERITAHARIAN

26.04.2026 (AHAD)

Isu dana NGO diseleweng

Niat 'tabarruk' kutip derma, namun hanyut godaan dunia

Ada pendakwah, pempengaruh agama khianati amanah seleweng dana sumbangan orang ramai

Oleh Zanariah Abd Misatib, Latifah Arifio dan Niaz Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bermula dengan niat 'tabarruk' atau mencari berkat, ada pendakwah dan pempengaruh agama mengumpul derma atas nama sedekah atau infaq, namun kemudian terpengaruh godaan dunia dan menyeleweng dana diterima.

Ada pelbagai kaedah digunakan mereka, terutama yang mengumpul sumbangan melalui yayasan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sehingga mengabaikan hukum agama dan mengkhianati amanah orang ramai.

Pandangan itu disuarakan Mufti Pahang, Prof Datuk Dr Asmadi Mohamed Naim yang melihat kebanyakan daripada mereka juga kurang pengetahuan dan salah faham dalam mengutip derma hingga menyimpang daripada matlamat asal.

"Hebahan (aktiviti kutip derma) dibuat seolah-olah kerja mereka berbentuk 'tabarruk', sukarela buat kebajikan, namun berakhir dengan aktiviti komersial melalui pengambilan upah

profesional yang tidak didekahkan. Jadi, pihak mahu urus sedekah perlu ilmu dan kejujuran," katanya kepada BH.

Bagi Mufti Pulau Pinang, Prof Madya Datuk Dr Mohd Sukki Othman, fenomena 'peminta sedekah moden' merayu sumbangan, terutama melalui media sosial perlu dilihat dari pelbagai aspek, antara galakan bersedekah, tuntutan amanah dan kebertanggungjawaban.

"Apatah lagi jika didalangi agamawan atau pendakwah yang ambil kesempatan untuk kaut untung peribadi atas nama derma. Ia satu bentuk pengkhianatan amanah, lebih berat lagi apabila dilakukan atas nama agama kerana cemar imej Islam dan dakwah," tambahnya.

Sementara itu, Asmadi ketika diminta mengulas lanjut, berkata antara salah laku dikesan membabitkan pihak yang memanipulasi NGO adalah menjadikan derma sebagai untung perniagaan, iaitu mengambil untung daripada derma orang ramai.

Bellau memberi analogi, pengutip derma itu kemudian membeli barangan yang dijual di kedai mereka sendiri, sekali gus mewujudkan satu keuntungan perniagaan daripada sumbangan yang diterima.

"Melalui cara itu, pengumpul derma yang mungkin asalnya buat kerja secara sukarela, akhirnya dapat untung mudah. Guna kedudukan peribadi untuk ambil untung sedangkan barang boleh dibeli di tempat lain, secara borong atau lebih murah.

"Begitu juga dengan kes di rumah ibadat seperti bina masjid apabila dapat derma untuk laksana projek, tapi ada pula syarat seperti kontraktor tertentu perlu dapat projek itu. Ada kontraktor guna cara ini hanya untuk 'cuci' wang," katanya.

Justeru, beliau menggesa satu mekanisme semak dan imbang lebih berkesan diperkenalkan kerajaan untuk memantau kutipan derma oleh NGO dan 'peminta sedekah moden' seperti audit terperinci agar laporan kutipan derma menjadi telus.

"Derma dan sedekah sepatutnya jadi medan untuk memudahkan masyarakat menyumbang, namun langkah semak dan imbang perlu. Penderma wajar tahu siapa penerima manfaat derma mereka, berapa jumlah yuran pengurusan diambil NGO," katanya.

Jangan mudah terpedaya

Sementara itu, Mohd Sukki menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan retorik 'wang derma bukan urusan kita' kerana mengikut kaedah syarak, mencegah kemudaratan didahulukan daripada menarik manfaat.

"Ini bermaksud niat baik sememangnya diberikan ganjaran pahala, namun kecuai dalam menilai boleh membawa kepada mudarat lebih besar. Tindakan membuka ruang kepada kerosakan dan penipuan perlu dielakkan.

"Perkara utama dalam usaha menangani isu ini adalah pi-



Sebahagian aset yang disita SPRM bابت kes seleweng dana NGO, termasuk zakat kira-kira RM230 juta, baru-baru ini. (Foto ihsan PDRM)

hak berkuasa perkukuh kawal selia dan tingkatkan kesedaran masyarakat Umat Islam harus digalakkan beri sumbangan melalui saluran telus kerana ada banyak manipulasi sedekah di media sosial.

"Antaranya konsep perniagaan mengaitkan infaq dengan syarat tertentu. Ia bukan sahaja menjurus kepada riak, manipulasi dan memberi tekanan, malah bercanggah dengan nilai keikhlasan dianjurkan Islam dalam bersedekah," katanya.

Tegas beliau, Islam tidak pernah menghalang sedekah, bahkan sangat mendorong, tetapi ia harus berlangsung dalam suasana semasa, ditambah dengan keikhlasan dan kebijaksanaan.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malay-

sia (SPRM) menahan timbalian pengerusi sebuah NGO dan pendakwah bebas yang juga pempengaruh agama terkenal kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan dana awam mencecah jutaan ringgit.

Timbalian pengerusi itu disyaki terbabit kes seleweng dana NGO, termasuk zakat kira-kira RM230 juta, manakala pendakwah bebas pula berkait salah guna kuasa dan seleweng dana NGO tempatnya bekerja, kira-kira RM12.5 juta.

Dua kes itu menjadikan sekurang-kurangnya tujuh NGO yang terbabit mengutip dana awam, seperti derma dan infaq kebajikan dibongkar SPRM dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan kerana salah guna dana awam untuk kepentingan peribadi.



HARIANMETRO
26.04.2026 (AHAD)

Isu penyalahgunaan dana awam oleh segenit-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kini seperti didedahkan akhbar ini semalam mengundang reaksi banyak pihak.

Situasi ini bukan sahaja menimbulkan persoalan terhadap tahap integriti dalam sektor kebajikan, malah memberi kesan langsung kepada keyakinan masyarakat untuk terus menyumbang.

Menungkal persoalan itu, Kafe Abad menemui Presiden Pernerhati Rasuah Malaysia (MCW) Jais Abdul Karim bersama wartawan MUHAMMAD SAUFI HASSAN.

Perlukah NGO yang mengutip dana awam dikawal selia dengan lebih ketat?

Saya melihat kawal selia terhadap NGO bukan sahaja perlu, tetapi sangat penting.

Ini kerana NGO yang mengutip dana awam pada dasarnya menggunakan wang rakyat, walaupun beroperasi sebagai entiti bukan keuntungan.

Tanpa kawal selia yang jelas, risiko penyalahgunaan dana akan meningkat.

Di negara ini, NGO berdaftar tertakluk kepada pemantauan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS), namun mekanisme sedia ada masih boleh diperkukuh, khususnya bagi NGO yang aktif mengutip dana dalam jumlah besar.

Amalan di beberapa negara maju memfokuskan keperluan pelaporan kewangan berkala dan audit mandatori mampu meningkatkan tahap kepercayaan awam.

Justeru, kawal selia bukan bertujuan menyekat NGO, tetapi memastikan mereka beroperasi dengan integriti dan bertanggungjawab.

Apakah punca utama berlakunya penyelewengan dalam NGO?

Antara punca utama ialah kelemahan tadbir urus.

Banyak NGO tidak mempunyai struktur kawalan dalaman yang jelas seperti lembaga pemantau bebas, polisi kewangan yang ketat, atau sistem semakan dalaman.

Selain itu, kekurangan audit berkala membuka ruang kepada manipulasi dana tanpa dikesan dalam tempoh yang lama.



ORGANISASI tanpa mekanisme semak dan imbang lebih terdedah kepada risiko penyelewengan kewangan.

SLAPA PANTAU NGO?

Penyelewengan dana awam bermula daripada tadbir urus rapuh

Saya juga melihat budaya 'trust without verification' dalam kalangan penyumbang sebagai faktor penyumbang, ramai yang menyumbang atas dasar simpati tanpa menyemak latar belakang organisasi.

Pada masa sama, faktor manusia seperti sikap tamak dan aka mengahil peluang tidak boleh dinafikan.

Apabila kutipan dilakukan menggunakan emosi dan naratif kemamusiaan, ia boleh dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Kajian dalam bidang tadbir urus turut menunjukkan organisasi tanpa mekanisme semak dan imbang lebih terdedah kepada risiko penyelewengan kewangan.

Mengapa MCW menganggap isu ini sangat serius?

Ini adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap kepercayaan awam.

Kesan isu ini bersifat domino. Pertama, ia menjelaskan reputasi NGO yang benar-benar telus

dan berintegriti, mengabdikan mereka turut dipandang serong.

Kedua, ia mengikis keyakinan rakyat untuk terus menyumbang, walaupun kepada organisasi yang sah.

Ketiga, dalam jangka panjang, ia boleh melambatkan budaya filantropi dalam negara, sedangkan budaya memberi ini amat penting dalam melengkapkan usaha kebajikan sosial.

Laporan seperti Edelman Trust Barometer menunjukkan kepercayaan terhadap institusi adalah faktor utama dalam menentukan sokongan

masyarakat.

Jika kepercayaan ini runtuh, kesannya boleh berpanjangan dan sukar dipulihkan.

Apakah langkah yang perlu diambil oleh NGO untuk mengelakkan isu ini?

NGO tidak kebal daripada prinsip integriti.

Mereka perlu menjadi contoh terbaik dalam ketelusan dan akauntabiliti kerana mengurus dana rakyat.

Antara langkah utama ialah melaksanakan audit bebas secara berkala dan menyediakan laporan kewangan yang boleh diakses oleh umum.

Selain itu, amalan mendedahkan tanpa selindung perlu dijadikan norma, termasuk memperincikan bagaimana dana digunakan dan peratusan kos pengurusan.

Satu lagi as-

pek penting ialah mewujudkan kerangka tadbir urus (governance framework) yang jelas, termasuk polisi dalaman, kod etika dan mekanisme aduan.

Apa peranan penyumbang dan kerajaan dalam menangani isu ini?

Saya ingin tekankan bahawa tanggungjawab tidak terletak pada NGO semata-mata.

Penyumbang juga perlu lebih berwaspada dengan menyemak latar belakang organisasi sebelum memberi sumbangan.

Elakkan menyumbang kepada entiti yang tidak telus atau tidak mempunyai rekod jelas.

Minat bukti penggunaan dana dan sokong NGO yang mengamalkan pelaporan terbuka.

Pada masa sama, kerajaan perlu memainkan peranan lebih aktif melalui pemantauan yang lebih ketat serta mempertingkatkan mekanisme pelaporan wajib bagi NGO yang mengutip dana awam secara besar-besaran.

Ini termasuk keperluan audit tahunan dan pendedahan kewangan kepada umum.



“Penyumbang perlu berwaspada semak latar belakang organisasi”
Jais Abdul Karim



SINAR HARIAN
27.04.2026 (ISNIN)

Rasuah perempuan simpanan di Indonesia

FOTO: AGENSI

Sisi gelap pegawai Indonesia terbongkar

JAKARTA - Amalan pegawai kerajaan menyalurkan wang haram kepada perempuan simpanan bagi menyembunyikan hasil rasuah kini menjadi sorotan apabila didedahkan oleh Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK).

Timbalan Ketua KPK, Ibnu Basuki Widodo berkata, majoriti pesalah rasuah adalah lelaki dan sebahagian daripada mereka menggunakan taktik 'cuci duit' dengan menyalurkan wang kepada individu lain, termasuk pasangan tidak rasmi, bagi mengaburi jejak kewangan.

Menurutnya, selepas wang diagihkan kepada keluarga, simpanan dan kebajikan, lebih dana sering disalurkan kepada wanita yang mempunyai hubungan peribadi dengan pegawai terbabit.



Model Lisa Mariana (kiri) dan penyanyi Nayunda Nabila, yang kedua-duanya dikaitkan dengan pegawai kerajaan Indonesia.

Fenomena itu bukan asing dalam masyarakat Indonesia, malah istilah 'simpanan pejabat' semakin popular di media sosial, termasuk dalam trend yang memaparkan gaya hidup mewah wanita muda.

Kes berprofil tinggi turut menguatkan persepsi tersebut, antaranya melibatkan bekas Menteri Pertanian, Syahrul Yasin Limpo, yang disabitkan kesalahan rasuah pada 2024 dan kini menjalani hukuman penjara 12 tahun.

Dalam perbicaraan, penyanyi Nayunda Nabila mengakui menerima wang dan barangan mewah daripada beliau, manakala model Lisa Mariana turut dikaitkan dengan beberapa tokoh politik.

Jurucakap KPK, Budi Prasetyo menjelaskan, bahawa dalam banyak kes, penerima mungkin tidak menyedari sumber wang tersebut, namun aset yang disyaki berpunca daripada jenayah tetap boleh dikesan dan dirampas. - Agensi



SINAR HARIAN
30.04.2026 (KHAMIS)

Pegawai disyaki terlibat sindiket direhatkan



ZAKARIA

diambil bagi memastikan siasatan dapat dilaksanakan secara telus dan menyeluruh.

"Pegawai terbabit telah direhatkan daripada melakukan tugas serta merta untuk siasatan, kertas siasatan kes berkenaan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Zakaria menegaskan bahawa jabatan tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku dalam kalangan pegawai termasuk jika melibatkan anggota sendiri.

"Tindakan tegas akan diambil tanpa mengira pangkat atau kedudukan sekiranya didapati bersalah, termasuk mereka yang bersubahat atau membantu sindiket jenayah," ujarnya.

Terdahulu, JIM menahan 10 individu termasuk seorang pegawai kanan jabatan itu dalam 'Op Toyu' di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah pada Sabtu.

Zakaria dilaporkan berkata, operasi khas yang bermula jam 12.50 tengah hari itu digerakkan hasil risikan selama sebulan oleh Bahagian Perisikan dan Operasi Khas Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama JIM Kedah serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS).

Antara yang ditahan ialah seorang lelaki tempatan dan seorang lelaki warga Thailand dipercayai 'ejen' dikenali sebagai 'Toyu' yang mengatur kemasukan warga asing, serta seorang lelaki tempatan yang bertindak sebagai *transporter*.

Turut ditahan lima lelaki warga India, seorang lelaki warga Pakistan dan seorang pegawai kanan JIM yang dipercayai berperanan sebagai 'pemudah cara'.

PUTRAJAYA - Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia yang disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan direhatkan daripada melakukan tugas sementara siasatan lanjut dijalankan.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban berkata, tindakan itu